

Jilid I  
Bil. 40



Hari Selasa  
7hb Disember, 1982

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5171]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 5204]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan)**  
[Ruangan 5205]

**Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 5208]**

**Rang Undang-undang Bank Islam [Ruangan 5212]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan—Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 5204]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bahru).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara Dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri DATO' MOHAMAD BIN RAHMAT, S.P.M.S., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S, B.I.S. J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH GHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan (PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HEING DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Murudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis)
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN ON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Ranjang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHEAL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).

- Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMED SHAH BIN DATO' HUSSEIN (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OON GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa 7hb Disember, 1982

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

TEACHING SUBJEK

1. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa bagi guru-guru yang hendak melanjutkan pelajaran mereka di universiti tempatan, mereka hanya dibenarkan mengambil subjek-subjek yang dipanggil "Teaching Subjek" dengan kebenaran Kementerian ini berapa dan apa "Teaching Subjek" telah ditentukan pada tahun ini dan tahun depan; dan apakah kriteria "Teaching Subjek" ini dipilih.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kriteria yang digunakan ialah keperluan Kementerian pelajaran bagi guru-guru berijazah dalam satu-satu mata pelajaran itu. Misalnya, Kementerian Pelajaran sekarang ini mengalami kekurangan guru berijazah untuk Bahasa Inggeris dan Matematik, maka guru-guru yang mengikuti kedua-dua kursus ini akan diberi kemudahan cuti belajar dengan elaun separuh gaji. Sebaliknya, jika

seseorang guru itu hendak mengikuti kursus Sejarah, beliau hanya boleh dipertimbangkan untuk mendapat kemudahan cuti belajar tanpa gaji sahaja kerana Kementerian sudah mempunyai guru yang mencukupi dalam bidang ini.

Untuk tahun 1982 ini kursus-kursus yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran bagi mendapat kemudahan cuti belajar dengan elaun-elaun separuh gaji adalah seperti berikut:

Bahagian A—Jurusan Sastra, Ilmu Alam, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Bahasa Malaysia, Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Akademi Islam Universiti Malaya, Pentadbiran Perniagaan, Perakauan, Kesusasteraan Malayu, Saikologi, Bimbingan dan Kaunseling, Seni Halus.

Bahagian B—Jurusan Sains, Kimia, Fizik, Ilmu Hisab, Matematik, Kaji Hayat.

Bahagian C—Jurusan Teknik dan Vokasional, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrikal, Kejuruteraan Awam, Ukur Tanah (Land Survey), Akitek, Seni bina.

Untuk tahun 1983 kedudukan kursus yang diluluskan adalah sama dengan tahun 1982.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menerangkan bahawa guru-guru yang hendak mengambil kursus kepada mata pelajaran-mata pelajaran yang diperlukan oleh Kementerian Pelajaran akan diberi peluang mengambil kursus dalam cuti sepefuh gaji dan mana-mana guru-guru yang minta mengambil kursus dengan tidak mengutamakan apa yang disebutkan tadi, iaitu kursus yang lain tidak diperlukan oleh Kementerian Pelajaran, guru-guru itu akan diberi juga peluang tetapi tanpa gaji. Saya ingin bertanya kedua-dua perkara ini bagaimanakah dengan guru-guru yang keluar daripada maktab, adakah benar mereka itu dipersyaratkan selepas 5 tahun baru diberi peluang yang seumpama itu. Kalau benar, adakah cadangan Kerajaan untuk melonggarkan syarat-syarat itu.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:**

Tuan Yang Dipertua, syarat terdahulu daripada tahun ini ialah 5 tahun. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat, saya sukacita menyebutkan syarat-syarat bagi hal ini.

Syarat-syarat untuk mendapatkan kemudahan cuti belajar dengan separuh gaji adalah seperti berikut:

Telah disahkan dalam jawatannya sekarang;

Telah berkhidmat terus-menerus selama 3 tahun selepas lantikan tetap;

Mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil

Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya;

Berumur tidak lebih daripada 40 tahun.

Kursus yang diambil hendaklah yang diluluskan oleh kementerian Pelajaran. Dalam rangka jawapan saya, saya rasa menepati soalan Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Lee Kim Sai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan sangat kekurangan guru-guru yang boleh mengajar Bahasa Cina di sekolah menengah di mana guru-guru itu hanya mengajar Bahasa Cina itu dengan secara sambilan, oleh itu adakah Kerajaan bercadang supaya subjek ataupun perkara Bahasa Cina juga dimasukkan sebagai satu "Teaching Subjek" supaya guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina itu boleh melanjutkan pelajaran mereka dengan kebenaran Kementerian untuk belajar dan dapat separuh gaji.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:**

Tuan Yang Dipertua, guru-guru yang mengikuti kursus dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil, saya masukkan sekali, tidak diberi kemudahan cuti belajar separuh gaji kerana kekurangan guru dalam kedua-dua subjek ini Kementerian tidak menganggapkan terlalu mendesak sangat.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:**

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini berapa peratuskah jumlah guru-guru yang berijazah setakat ini jika dibandingkan pada keseluruhan jumlah guru-guru yang diambil untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah tinggi dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan jumlah yang disebut.

Kedua, daripada guru-guru ijazah yang dikehendaki itu daripada subjek manakah yang perlu sangat dikehendaki oleh pihak Kementerian Pelajaran?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, soalan peringkat pertama tadi bunyinya terlalu lain daripada soalan asal kerana ini meminta saya memberi angka-angka peratus guru-guru yang berijazah dengan yang lain-lain.

Bagi soalan yang kedua tadi, saya telah menyebutkan senarai-senarai subjek yang kita menganggapkan penting dan apa yang saya senaraikan tadi adalah sama pentingnya.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu berapa ramai guru-guru yang telah mendapat kelulusan di universiti yang meninggalkan profesion perguruan setakat ini yang mengikut saya adalah seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi di mana kekurangan guru dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran itu boleh dikatakan mendesak juga tetapi ada di antara guru-guru yang dilepaskan kepada perkhidmatan lain. Jadi, ingin saya tahu berapa ramai atau berapa peratus daripada yang lulus itu meninggalkan profesion perguruan dan kedua, adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk meminda had umur guru-guru yang hendak melanjutkan pelajaran di universiti itu daripada 40 tahun kepada lebih daripada itu?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, kekurangan guru jika ada tidak semestinya oleh kerana ada guru-guru yang meninggal perkhidmatan pelajaran. Angka-

angka boleh juga diperkirakan bergantung kepada projection, dengan izin.

Keperluan yang kita nyatakan tadi jumlah besarnya bergantung kepada keperluan dari masa ke semasa mengikut projection yang saya sebutkan tadi.

Mengenai guru-guru yang lari sekiranya ada ataupun syarat-syarat yang kita kenakan, saya ingin menyebutkan di sini bahawa guru-guru sekiranya tidak memenuhi syarat dikehendaki gantirugi sebanyak \$50,000 dan selain daripada itu guru-guru perlu berkhidmat dengan Kerajaan selama 7 tahun. Setakat ini soalan Ahli Yang Berhormat sama ada had umur itu boleh dikurangkan di bawah 40 tahun, kita belum lagi memikirkan hal itu dan ini bolehlah dikaji.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa guru-guru yang masuk ke universiti itu mesti memilih mata pelajaran yang tertentu yang ditetapkan oleh Kementerian tetapi guru-guru yang keluar daripada universiti ini tidak pun mengajar mata pelajaran yang mereka itu mengambil pengkhususan, misalnya, mereka mengambil mata pelajaran sastera, mereka tidak mengajar sastera tetapi mereka akan mengajar mata pelajaran lain daripada yang mereka ambil di universiti. Jadi, jika keadaan begini berlaku, adakah pihak Kementerian bercadang untuk membebaskan semua guru-guru yang hendak melanjutkan pelajaran diberi cuti dengan bergaji separuh asalkan akademik yang dia terima itu boleh memberi faedah kepada guru-guru tersebut bagi meninggikan pengalaman, pengetahuan mereka, dengan ini bolehlah mereka itu mengajar dalam mata pelajaran apa sekali pun.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:**

Tuan Yang Dipertua, barangkali bukannya semua kes bahawa mereka guru-guru yang pergi ke universiti itu kemudian keluar belajar tidak mengajar mata pelajaran yang mereka mengambil sebagai pelajaran khusus di universiti. Mungkin jumlahnya terlalu kecil. Jumlah besarnya yang sebenarnya adalah mengikut specialisasi yang mereka dapat di universiti.

Kementerian Pelajaran juga tidak bercadang hendak lari daripada garis panduan yang kita telah sebutkan kepada guru-guru sebelum mereka sendiri membuat permohonan untuk belajar di universiti. Syarat-syarat yang ditentukan itu telah pun diketahui oleh guru-guru sekalian dan mereka ini nampaknya patuh apa yang Kementerian telah berikan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 2.

(Soalan No. 2 Y. B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

<i>Sekolah swasta</i>	<i>Melayu</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Taman Didikan Kanak-kanak . . . .	18,389	82,305	7,413	2,901	111,008
Sekolah Rendah termasuk Pusat Tuition . .	657	3,044	86	371	4,158
Sekolah Menengah Akademik termasuk Pusat-pusat Tuition . . . . .	50,534	52,482	4,771	1,310	113,097
Sekolah Menengah Teknik . . . . .	649	5,216	1,353	131	7,349
Sekolah Perdagangan . . . . .	17,703	18,936	3,927	1,004	41,570
Sekolah Gaya Pos . . . . .	6,565	4,317	874	127	11,883
Sekolah Khas . . . . .	737	4,439	290	621	6,087

**SEKOLAH SWASTA**

**3. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan sekolah-sekolah swasta di negara ini mengikut peringkat dan bilangannya yang diklasifikasikan sebagai sekolah teknik dan vokasional; dan
- (b) bilangan penuntutnya mengikut pecahan kaum.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, bilangan sekolah-sekolah swasta yang ada di negara ini mengikut peringkat dan kelasifikasinya adalah seperti berikut:

1. Taman Didikan Kanak-kanak . . . . .	1,001
2. Sekolah Rendah termasuk Pusat-pusat Tuition . . . . .	39
3. Sekolah Menengah Akademik termasuk Pusat-pusat Tuition . . . . .	293
4. Sekolah Menengah Teknik . . . . .	10
5. Sekolah Perdagangan . . . . .	246
6. Sekolah Gaya Pos . . . . .	11
7. Sekolah Khas termasuk Sekolah-sekolah Kanak-kanak Cacat dan Kelas-kelas Bahasa . . . . .	46

Bilangan penuntut mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

**Tuan Yeoh Poh San:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk pengeluaran lesen-lesen bagi penubuhan sekolah-sekolah dan institusi swasta dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengekal ataupun menetapkan taraf-taraf yang tinggi dalam sekolah-sekolah swasta dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan syllabus sekolah-sekolah swasta supaya pada masa hadapan sijil-sijil diploma boleh ditimbang untuk diiktirafkan?

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, ini adalah satu soalan yang baru.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, memandangkan bahawa ada begitu ramai pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah swasta di negara kita, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah langkah-langkah kawalan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi tujuan menentukan bahawa sekolah-sekolah swasta pada amnya tidak akan memberi pelajaran yang kurang bermutu baik memandangkan bahawa pada masa yang lalu ada banyak aduan-aduan daripada ibu bapa-ibu bapa, misalnya, di sekolah perdagangan bahawa anak-anak mereka tidak diberi pelajaran ataupun pendidikan yang bermutu baik.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, sekolah-sekolah swasta adalah di bawah kawalan Pengarah atau Pendaftar sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran dan bahagian itu adalah sentiasa membuat kajian dan juga siasatan terhadap sesuatu tuduhan. Jikalau tidak ada tuduhan pun pendaftaran sesuatu

sekolah bukan untuk sepanjang masa tetapi untuk tahun demi tahun sahaja dan jikalau Yang Berhormat ada mendapat tuduhan berkenaan sesuatu sekolah, haraplah Yang Berhormat melaporkan maklumat itu kepada pihak Kementerian Pelajaran dan kita akan membuat siasatan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, tadi Timbalan Menteri Pelajaran telah memberikan angka-angka yang begitu banyak sekali sama ada mengenai sekolah-sekolah swasta dan juga murid-muridnya. Saya ingin bertanya adakah Kementerian Pelajaran dapat menentukan bahawa keseluruhan penuntut-penuntut daripada sekolah swasta ini nanti akan dapat dikekalkan sebagaimana Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, kursus-kursus yang diberi melalui sekolah-sekolah swasta ini ialah di dalam bahagian teknikal dan juga perdagangan (commercial) dan mereka hanya diberi latihan di dalam mata pelajaran seperti taip-menaip, trengkas (shorthand), simpan kira-kira (book-keeping), perakaunan, pengurusan dan juga urusan bank. Diploma-diploma yang dikeluarkan dari sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi tidaklah diterima sebagai sijil yang diiktirafkan untuk perkhidmatan dalam Kerajaan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas dan ini yang akhir.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Memandangkan begitu ramai murid-murid yang mengikuti pelajaran pra-sekolah (kindergarten) iaitu lebih daripada 100,000 orang, adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk menjadikan pra-sekolah

(kindergarten) ini sekolah Kerajaan ataupun sekurang-kurangnya mmengadakan suatu kurikulum kepada sekolah-sekolah kindergarten ini supaya dapat disesuaikan apabila murid itu cukup umur masuk ke sekolah-sekolah Kerajaan nanti.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, tadi saya telah sebutkan walaupun sekolah-sekolah ini ialah sekolah kindergarten, mereka juga mestilah mengikuti syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Pendaftar sekolah-sekolah dan berkenaan Kerajaan mengambilalih kindergarten ini, kita tidak ada cadangan dari peringkat sekarang tetapi di masa sekarang kita ada satu Jawatankuasa yang sedang mengkaji dengan dalamnya berkenaan masalah pra-sekolah atau pre-school education, dengan izin.

#### **KESEDAR (LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH SELATAN)**

**4. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar pihak KESEDAR (Lembaga Kemajuan Tanah Kelantan Selatan) akan menyerap Perbadanan Pembangunan dan Pemulihan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim (TAKDIR) yang akan dibubarkan, jika benar:

(a) bagaimana caranya pihak KESEDAR akan bertindak untuk membayar pinjaman yang dibuat oleh pihak TAKDIR dengan bank dunia dan sama ada akan dibayar balik oleh KESEDAR dan berapa jumlah yang mesti dibayar balik oleh pihak KESEDAR bersama dengan faedah-faedahnya sekali;

(b) dari punca mana pula pihak KESEDAR akan membayar balik pinjaman itu, dan sama ada peneroka akan menanggung beban ini dan berapa anggarannya setiap peneroka menanggung bayaran balik hutang itu; dan

(c) bagaimana cara pihak KESEDAR akan menyelesaikan masalah membayar pinjaman ini dari peneroka kerana ada peneroka yang telah menjelaskan hutang mereka kepada TAKDIR dan Bank Dunia dan telah mendapat surat hakmilik tanah (g.t.) masing-masing dari TAKDIR.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang Dipertua, pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini hampir sama dengan pertanyaan dan juga jawapan yang telah diberi ke atas pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah dari Bachok dalam Dewan ini pada 29hb Oktober, 1982 yang lalu. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk membuat tambahan.

#### **KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA**

**5. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan dan kewujudan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang ditubuhkan itu dan apakah penerimaan dan tindakbalas Kerajaan Vietnam terhadap penubuhan Kerajaan Campuran itu setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang dijangkakan penubuhan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk telah mendapat sambutan hangat di kalangan kebanyakan negara-negara dalam dunia. Dalam pengundian mengenai tauliah Demokratik Kampuchea di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini sebanyak 90 buah negara telah menyokongnya iaitu penambahan sebanyak 13 undi dari tahun lalu. Kemudian daripada itu, apabila pengundian dibuat di atas resolusi ASEAN mengenai formula penyelesaiannya mengenai masalah Kampuchea pula sebanyak 105 buah negara telah menyokongnya—iaitu penambahan dari 100 buah negara pada tahun sudah. Jelaslah bahawa dengan terdapatnya kejayaan-kejayaan ini bolehlah dikatakan bahawa Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk ini mendapat sokongan dari sebahagian besar negara-negara dan opinion antarabangsa.

Berikutan dengan keadaan yang saya sebutkan ini maka negara-negara lain mulai memberi berbagai-bagai bantuan kepada Kerajaan ini pun kian bertambah.

Mengenai soal penerimaan dan tindakbalas Kerajaan Vietnam terhadap penubuhan Kerajaan Campuran ini, ingin saya menyatakan setakat ini Vietnam masih mempertahankan bonekanya, rejim Heng Samrin, yang ditegaskan selepas pencerobohannya ke atas Kampuchea. Rejim Heng Samrin hanya disokong di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu oleh segelintir negara-negara yang kuat menyokong Soviet, yang mendokong Vietnam seperti Demokratik Republik Rakyat Yemen,

Cuba, Mongolia dan India. Di antara negara-negara anggota COMECON (Persatuan Kerjasama Ekonomik Negara-negara Komunis), Romania tidak bersama dengan Soviet Russia dalam menyokong penaklukan Kampuchea oleh Vietnam itu. Yugoslavia, sebuah negara pemerhati di dalam COMECON juga menyokong pemerintahan Sihanouk.

Dalam beberapa bulan yang berlalu Kerajaan Vietnam telah pun mengambil beberapa inisiatif untuk membuat hubungan dengan negara-negara ASEAN, kononnya untuk mencari suatu penyelesaian mengenai Kampuchea. Tetapi jelaslah kepada ASEAN bahawa tindakan-tindakannya ini adalah merupakan suatu usaha propaganda semata-mata untuk memperbaiki imejnya sebagai negara penceroboh yang dikutuk oleh sebahagian besar opinion antarabangsa.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, sebagaimana kita tahu Demokratik Kampuchea ialah Kerajaan Buangan kerana Kerajaan yang berkuasa di negeri tersebut ialah Kerajaan yang disokong oleh Vietnam. Bagaimanakah kita boleh mewujudkan sebuah Kerajaan yang tidak direstui oleh Kerajaan yang berkuasa dalam negeri tersebut dan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk supaya Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini bercampur dengan Kerajaan yang ada sekarang supaya mereka ini benar-benar berfungsi sebagai sebuah negara yang wujud di negara Kampuchea.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Campuran Demokratik

Kampuchea bukanlah sebuah Kerajaan dalam buangan, bukan Government-in-exile, tetapi sebuah Kerajaan yang bertapak dalam Kampuchea sendiri tetapi hanya buat sementara waktu telah pun dikeluarkan dari Ibu Negeranya Phnom Penh oleh penaklukan asing.

**Tuan Chan Kok Kit:** Adakah Kerajaan memberi apa-apa bantuan kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea, dan jika ya, nyatakan jenis bantuan tersebut.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, kita memberi bantuan keperimanasian kepada Kerajaan Campuran.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau Kerajaan Campuran Kampuchea ini bukan merupakan Kerajaan buangan, adakah Kerajaan Campuran ini mempunyai wakilnya dalam negara kita dan adakah Kerajaan Malaysia memberi taraf sebagaimana perwakilan asing dalam negara kita ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, oleh sebab ketiadaan kemampuan Kerajaan Campuran itu dari segi terhadapnya kemampuan kewangan dan sebagainya buat masa ini, Kerajaan Campuran Kampuchea tidak mempunyai perwakilan di Malaysia. Tetapi mereka memang mempunyai perwakilannya di tempat-tempat lain seperti di United Nations dan sebagainya.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan

Vietnam masih lagi mempertahankan Kerajaan bonekanya, tetapi saya ingin bertanya bagaimanakah kebanyakan rakyat Kampuchea pada masa ini terhadap Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini dan sekiranya ramai rakyat yang menyokong Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini, apakah peluang-peluang yang baik ini tidak digunakan oleh Kerajaan Demokratik Kampuchea bagi mendapatkan kekuasaan di negara Kampuchea ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, memanglah sebagaimana yang saya katakan....., saya minta ulang yang mula tadi.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Kebanyakan rakyat di Kampuchea itu adakah menyokong Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea ini yakni rakyat yang ada di Kampuchea sekarang.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Selepas penubuhan Kerajaan Campuran yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk ini telah pun mendapat laporan yang banyak yang menyatakan rakyat Kampuchea mulai memberi sokongan yang besar-besaran kepada Kerajaan Campuran ini. Malah terdapat juga laporan yang menyatakan tentera Heng Samrin juga telah pun banyak berpaling tadah kepada Kerajaan Campuran ini. Tetapi sudah tentulah bagi Kerajaan Campuran ini untuk mengusir tentera penaklukan yang begitu besar akan mengambil masa yang panjang. Itulah sebabnya maka pihak ASEAN telah pun mengusulkan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mana ianya telah mendapat sokongan besar dari sebilangan besar Ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya kita tumpukan usaha kita

kepada satu penyelesaian politik iaitu dengan memujuk supaya Vietnam mengundurkan tenteranya dari Kampuchea dan kemudian daripada itu rakyat Kampuchea diberi peluang untuk memilih Kerajaan yang mereka menghendaki tanpa tekanan dari mana-mana pihak.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Setiausaha Parlimen telah memberitahu banyak negara telah menyokong Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea tetapi cuma dengan sokongan suara sahaja bukan dengan sokongan tindakan. Saya ingin tahu bagaimana rejim Heng Samrin boleh dijatuhkan, sekiranya tiada bantuan tentera seperti Soviet dan Vietnam yang membantu Rejim Heng Samrin itu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi dalam jawapan saya, selepas penubuhan Kerajaan Campuran yang sekarang ini diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk maka kebih ramai lagi negara-negara selain dari negeri Republik Rakyat China sudah mulai memberi berbagai-bagai bantuan dan dengan adanya bantuan-bantuan ini tentera Kerajaan Campuran pun kian bertambah dan kian kuat.

#### **JALAN RAYA SARIKEI KE TANJONG MANI**

**6. Tuan Richard Dampeng anak Laki** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam apakah Kemajuan ke atas pembinaan jalan raya yang dicadangkan dari Sarikei ke Tanjong Mani di Sarawak dan sama ada ia akan dilaksanakan mengikut jadual di bawah Rancangan Malaysia Keempat jika ya, bilakah jalanraya itu boleh dijangka disiapkan.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang Dipertua, projek

jalanraya dari Sarikei ke Tanjong Mani di Sarawak itu masih dalam peringkat kajian permulaan. Setakat ini kerja-kerja mengenai pengambilan gambar dari udara atau "aerial photography" telah pun selesai dan kerja-kerja mengukur sedang bermula dan ini akan diikuti dengan kerja-kerja rekabentuk bagi jalan tersebut.

Setakat ini projek ini adalah dilaksanakan mengikut jadual tetapi kerja-kerja pembinaan jalanraya akan bergantung kepada kelulusan peruntukan yang akan dipertimbangkan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Sekiranya peruntukan diluluskan maka projek ini mungkin mengambil masa lebih kurang selama enam (6) tahun lagi untuk disiapkan.

#### **SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH—BANTUAN KEPADA PCG**

**7. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bantuan kepada PCG yang diberi kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah tidak mencukupi untuk menemui perbelanjaan mengurus sekolah itu kerana bantuan ini telah dilaksanakan dalam tahun 60an di kala mana harga barang-barang kelengkapan sekolah dan sukan masih murah tetapi pada hari ini harga barang-barang ini telah naik dan jika ya, sama ada beliau akan mengkaji semula kadar bantuan ini sesuai dengan keadaan sekarang.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, soalan ini telah pun dijawab pada 5hb November di bawah soalan Yang Berhormat dari Kepong dan juga satu soalan yang sama 13hb Oktober di bawah nama Yang Berhormat dari Tanjong dan saya tidak ada apa-apa yang ingin ditambah.

## PERMIT TEKSI/KERETA— JUMLAH PERMOHONAN

8. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah permohonan-permohonan teksi yang diterima dari orang ramai setiap tahun dan adakah Kementerian sedar ramai yang memohon cuma mendapat kad akuan penerimaan permohonan sahaja dari Kementerian dan tidak langsung dipanggil menghadiri temuduga, sungguhpun mereka memenuhi semua syarat-syarat untuk mendapat lesen teksi jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmood):** Tuan Yang Dipertua, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya memang menerima banyak permohonan lesen teksi/kereta sewa dan jumlah permohonan lesen teksi/kereta sewa yang diterima adalah berbeza banyaknya antara setahun ke setahun.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, berikut adalah jumlah permohonan yang diterima untuk tahun 1980, 1981 dan sehingga Julai 1982.

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Permohonan</i>
1980 . . . . .	9,187
1981 . . . . .	8,263
Hingga Julai 1982	4,266

Pada amalannya kad akuan terima akan dikeluarkan sebaik sahaja permohonan diterima dan selepas itu tapisan awal akan dibuat. Bagi pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan asas mereka akan dipanggil ke satu temuduga tetapi bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan asas yang telah ditetapkan,

surat penolakan akan dikeluarkan tanpa panggilan temuduga. Ini bermakna tidak semua pemohon yang mendapat kad akuan terima akan dipanggil temuduga. Bagi pemohon-pemohon yang ditemuduga pula tidak semuanya akan diluluskan kerana jumlah permit yang akan diluluskan kerana jumlah permit yang akan dikeluarkan adalah terhad. Sungguhpun begitu semua pemohon diberitahu sama ada permohonan mereka diluluskan ataupun tidak, termasuk mereka-mereka yang tidak ditemuduga.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada bulan Januari hingga Ogos, 1982 sahaja Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) telah mengadakan sebanyak sebelas temuduga untuk pemohon-pemohon teksi yang melibatkan lebih kurang 1,400 orang calon.

Jika Yang Berhormat mengetahui tentang pemohon-pemohon yang benar-benar layak diberi permit teksi tetapi tidak dipanggil temuduga, silalah berhubung dengan Kementerian ini dan saya memberi jaminan perkara ini akan saya sendiri susuli.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian beliau bercadang memanggil semua pemohon-pemohon teksi yang mempunyai kelayakan asas untuk menghadiri temuduga dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permohonan mereka diterima?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi hasrat pihak LPPJ di bawah kementerian ini hendak cuba diselesaikan semua permohonan-permohonan di atas kadar yang secepat mungkin. Dalam pada itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu oleh sebab pihak LPPJ

ini menerima kira-kira di antara 600 hingga 700 permohonan untuk mendapatkan permit teksi ataupun kereta sewa sehingga ini pihak LPPJ telah pun menetapkan jadual iaitu bagi seluruh tahun ini LPPJ tidak termasuk Bahagian Rayuan telah diadakan sebanyak 27 temuduga iaitu yang akhirnya pada 13hb Disember, 1982 dan adalah dijangka "backlog" atau baki selepas temuduga ini hanya kira-kira 2000 sahaja. Ertinya kira-kira tiga bulan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah menjadi matlamat dan sebolehnya amalan Kementerian ini.

**Tuan Peter Chin Gan Onn:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah dasar Kerajaan berhubung dengan pemandu yang memandu teksi orang lain tetapi tidak mempunyai lesen sendiri?

Yang kedua, apakah pihak Kerajaan akan memberi keutamaan kepada permohonan-permohonan begini, kalau ya, berapa tahun yang minima seseorang mesti memandu teksi sebelum dia diberikan keutamaan begini?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, perkara ini selalu diberitahu di Dewan yang mulia ini sama ada oleh saya ataupun oleh Yang Berhormat Menteri. Kita mempunyai beberapa kriteria yang tertentu termasuklah apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi. Namun demikian, Tuan Yang Dipertua saya dukacita tidak dapat menyebut secara keseluruhannya berapa tahunkah pengalaman yang diperlukan oleh seseorang pemandu teksi itu bagi semua kawasan. Pernah disebutkan bahawa mungkin keadaan di Ipoh memerlukan sekian-sekian tahun, lima tahun umpamanya, ataupun bagi Kuala Lumpur oleh sebab teksi di Kuala Lumpur sudah

banyak manakala pemohon-pemohon daripada Kuala Lumpur juga masih banyak, mungkin kriteria lima tahun sebagaimana yang kita tetapkan pada Ipoh tidak boleh dipakai. Ini terpulunglah kepada bilangan pemohon dan berapa banyak permit teksi yang kita cadang dikeluarkan bagi tempat-tempat yang berkenaan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Selepas mendengar beberapa soalan tambahan dan jawapan dari Setiausaha Parlimen yang berkenaan saya hendak bertanya kenapa begitu susah hendak mendapat lesen teksi. Kalau orang hendak minta bawa teksi berilah, kenapa ada peraturan seperti ini semua yang mengakibatkan kerugian masa dan memakan belanja wang yang banyak untuk mengadakan syarat-syarat dan banyak tuduhan-tuduhan yang bersangkutan dengannya dan ramai orang pun bawa teksi sapu. Bolehkah pihak Kementerian mengaturkan satu cara yang senang sahaja, orangpun tidak ada apa-apa aduan kalau senang dapat permit teksi?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, pihak kami juga tidak bercadang hendak menyusahkan mana-mana pihak dan setakat ini kami berpendapat cara yang diamalkan sekarang ini adalah merupakan cara yang paling baik. Walau bagaimanapun sekiranya mana-mana pihak mempunyai pendapat-pendapat yang rasanya boleh mengatasi pendapat-pendapat yang kami amalkan, kami bersedia menerima cadangan-cadangan ini dan dalam pada itu, Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengulangi sekiranya kedapatan mana-mana kes yang tertentu saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak Kerajaan mahupun daripada pihak Pembangkang untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya.

## KILANG BATIK DI KELANTAN— LANGKAH MEMAJUKAN

**9. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar sejak akhir-akhir ini banyak kilang-kilang batik di Kelantan terpaksa ditutup. Jika sedar apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil bagi memajukan kembali perkilangan batik di Kelantan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar ada sebilangan kilang-kilang batik di Kelantan terpaksa ditutup oleh kerana beberapa sebab.

- (1) Persaingan hebat dan penyeludupan masuk kain-kain batik sarong jenis "screen printing" dari negeri Thai yang boleh dijual dengan harga rendah.
- (2) Penyeludupan masuk kain-kain putih untuk membuat batik juga dari Negeri Thai yang menimbulkan persaingan tidak sihat antara pembuat-pembuat batik.
- (3) Kemunculan banyak pengusaha-pengusaha batik baru dari kalangan pekerja-pekerja yang mahu mencuba nasib sebagai usahawan dan sedia mengambil risiko dengan tidak memperhitungkan kesemua aspek perniagaan secara detail. Akibatnya mereka juga banyak yang terkandas sambil menimbulkan persaingan yang tidak sihat.
- (4) Keseluruhan pasaran textile termasuk batik dalam masa resesi ini memanglah lembab amnya.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah:

- (1) Mengharamkan kemasukan kain-kain batik dari Negeri Thai berkuatkuasa sejak 18hb Mac, 1982.
- (2) Mengarahkan jentera-jentera Kerajaan yang berkenaan supaya lebih berkesan mengawal penyeludupan masuk kain-kain batik dan kain putih dari Negeri Thai.
- (3) Memodenkan industri batik dan memperluaskan pasaran batik Malaysia di seberang laut.
- (4) Bekerjasama rapat dengan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan terutama melalui Koperasi Pembatik mereka.

Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan pula ialah:

- (1) Mendaftar atau melesenkan semua pengusaha-pengusaha batik supaya perusahaan ini dapat dikawal dan bantuan-bantuan bimbingan serta khidmat nasihat dapat diberi dengan cara yang terselaraskan dan berkesan.
- (2) Memperhebatkan lagi usaha-usaha memodenkan industri batik meliputi aspek-aspek design, teknologi, kos dan mutu pengeluaran, cara mengurus dan pemasaran.
- (3) Mempastikan adanya bekalan bahan-bahan mentah yang diperlukan dengan harga yang rendah.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah untuk menolong pengusaha-pengusaha batik di Kelantan ini pihak Kerajaan masih menjalankan dasar memberi subsidi kain putih kepada pengusaha-pengusaha batik dan apakah pihak

Kerajaan telah pun menjalankan pengenaan cukai yang tinggi, kepada kain-kain batik yang bukan sahaja datang daripada Selatan Siam tetapi juga seberang Selatan Tebrau.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi di antara langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah mengharamkan kemasukan kain-kain putih, ini termasuk sarung juga dari Singapura.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyebutkan bahawa persaingan yang hebat daripada kain batik daripada Thailand menyebabkan perusahaan batik di Kelantan itu lembab. Saya ingin tahu mengapa persaingan ini boleh berlaku. Sebab kalau pembatik-pembatik Kelantan dapat mengeluarkan kain batik yang murah seperti dibawa daripada Thailand tentulah persaingan ini tidak timbul. Jadi, saya ingin tahu mengapa kain batik daripada Thailand itu lebih murah, adakah kerana bahan-bahan yang dibuat itu murah ataupun bagaimana.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, keluaran batik daripada Negeri Thailand ialah mengikut kaedah screen printing yang menyebabkan mudah untuk menukarkan warna dan menggunakan bahan-bahan yang bermutu rendah. Lagi pula, orang-orang di Malaysia ini amat gemar kain batik yang bermutu rendah wal-hal di negara kita pengeluaran batik ialah mengikut pengeluaran tradisional iaitu kaedah block printing yang memakan masa, tenaga dan kos pengeluaran yang tinggi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat angka-angka mengenai kilang-kilang batik di Kelantan sudah ditutup dan melibatkan berapa orang.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf mohon notis untuk menjawab.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang termaklum bahawa industri batik adalah merupakan industri tradisi rakyat Kelantan dan memang benarlah sudah banyak industri-industri batik di Kelantan sudah ditutup dan baharu-baharu ini Persatuan Pembatik-pembatik Kelantan membuat satu rancangan untuk mengadakan satu perkampungan batik di Kelantan dan mereka memilih Tumpat sebagai tempat perkampungan batik. Apakah pihak Kementerian sudah maklum apakah sedia pihak Kementerian untuk memberi sokongan dan bantuan kepada cadangan penubuhan perkampungan batik ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, memanglah pihak Kementerin telah pun tahu tentang rancangan untuk menubuhkan satu kampung batik di Tumpat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian sekarang hanya menunggu daripada pihak Kerajaan negeri Kelantan untuk menyediakan tapak.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Salah satu sebab yang menjadikan perusahaan batik di negeri Kelantan ini ditutup kerana kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, ramai orang yang cuba hendak mendirikan kilang-kilang batik tanpa mengira risiko yang akan menjejaskan projek itu. Jadi, Yang Berhormat tidak menerangkan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, saya telah menjelaskan tentang langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil

oleh Kerajaan, di antaranya pihak Kementerian berharap kerjasama daripada pengusaha-pengusaha batik melalui koperasi mereka di Kelantan.

### **GURU MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI**

**10. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah semua guru-guru yang melanjutkan pelajaran ke Universiti-universiti dalam Malaysia diberi cuti separuh gaji.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, soalan ini dan juga jawapannya sudah pun terkandung di dalam soalan pertama tadi dan saya tidak ada tambahan lagi hendak dibuat.

### **PROJEK JALAN RAYA GRIK— PULAU PINANG**

**11. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah bahagian jalan raya Lebuhraya Timur Barat dari Grik ke Pulau Pinang menerusi Kedah dapat digunakan dengan sepenuhnya pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, projek jalan raya ini dari Grik ke Pulau Pinang menerusi Negeri Kedah yang juga dikehendaki sebagai "supporting network" adalah dalam peringkat akhir rekabentuk. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja pembinaan jalan raya itu akan bermula dalam tahun 1983. Pembinaan projek ini akan mengambil masa lebih kurang empat (4) tahun dan oleh itu boleh dikatakan bahawa projek ini boleh digunakan dengan sepenuhnya pada akhir tahun 1987.

### **HOSPITAL BARU DI MIRI SARAWAK—PEMBINAAN**

**12. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah hospital umum baru di Miri, Sarawak. Jika ada, di manakah terletaknya tapak untuk hospital baru itu dan bilakah ia dijangka akan mula dibina.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng):** Tuan Yang Dipertua, pada masa ini, terdapat sebuah hospital Bahagian (Divisional Hospital) di Miri yang mengandungi 206 katil untuk membekalkan perkhidmatan perubatan am, pembedahan am, perbidanan dan sakitpuan, paediatrik, tibi, sakit jiwa dan lain-lain.

Di samping itu, terdapat tambahan 56 katil dalam 2 blok wad baru yang telah siap dibina tahun ini. Pada keseluruhannya, kadar penggunaan katil adalah lebih kurang 70%. Dengan demikian, ternyata bahawa kemudahan-kemudahan di hospital Miri adalah memadai untuk menampung keperluan penduduk-penduduknya. Memandangkan kepada kedudukan yang memuaskan ini, maka Kementerian tidak bercadang untuk membina sebuah Hospital baru di Miri, Sarawak.

### **PERUNTUKAN PROJEK PEMBINAAN JALAN DI SARAWAK**

**13. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan kumpulan wang yang diuntukkan kepada Negeri Sarawak setiap tahun bagi pembinaan jalan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memberi peruntukan yang mencukupi supaya program pembinaan jalan dapat dipercepatkan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang Dipertua, kumpulan wang yang diperuntukkan kepada Negeri Sarawak setiap tahun bagi pembinaan jalan-jalan raya ialah mengikut beberapa kriteria yang tertentu. Di antara kriteria-kriteria itu dan juga keupayaan pihak JKR Negeri untuk melaksanakan projek-projek yang berkenaan itu.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan sebanyak \$200,000,000 (dua ratus juta ringgit) telah dikhaskan bagi projek-projek pembinaan jalan di Negeri Sarawak. Tetapi peruntukan ini akan disemak semula dan pertimbangan akan dibuat mengikut kriteria-kriteria yang saya sebutkan itu di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat nanti.

#### UNIVERSITI PERTANIAN— KAMPUS CAWANGAN SARAWAK

**14. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang mengembangkan Maktab Pertanian di Sarawak menjadi satu Universiti yang sempurna supaya rakyat Sarawak dapat menikmati faedahnya.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Sarawak dan bukannya Maktab Pertanian seperti dalam soalan. Jika itu yang dimaksudkan, buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menjadikan Kampus Cawangan itu sebagai satu universiti tersendiri.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

*(Soalan No. 15 Y. B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).*

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

*(Soalan No. 16 Y. B. Tuan Ismail bin Said tidak hadir).*

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

*(Soalan No. 17 Y. B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir).*

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 2.

#### TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA—PEMBELIAN PESAWAT ALLOUETTE

**2. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar Tentera Udara Diraja Malaysia telah membeli helikopter-helikopter Allouette yang tidak boleh diserviskan (unserviceable) dari Singapura dan helikopter-helikopter tersebut kini di "reconditioned" dan dipasang dengan enjin-enjin baru untuk kegunaan sekolah latihan Tentera Udara Diraja Malaysia; jika ya, nyatakan kes helikopter-helikopter tersebut yang dibeli itu dan sebab-sebab mengapa helikopter-helikopter yang tidak boleh diserviskan seumpama itu dibeli.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa Kementerian Pertahanan telah membeli pesawat-pesawat Allouette dari Kerajaan Singapura yang tidak boleh diserviskan dan direconditioned. Yang sebenarnya Kementerian telah membeli pesawat Allouette terpakai daripada Kerajaan Singapura dan pesawat-pesawat ini menerima rawatan servis biasa dengan izin, routine maintenance service selepas dibeli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulis ini 7 buah pesawat Allouette telah dibeli dengan harga \$3,910,799 termasuk alat-alat ganti. Harga ini ialah 70% lebih murah daripada harga pesawat Allouette yang baru. Memandangkan bahawa pesawat-pesawat ini masih mempunyai lebih daripada 5,000 jam penerbangan dengan izin, flying hours lagi, pesawat-pesawat tersebut boleh digunakan daripada 10 tahun lagi. Pesawat Alloette baru biasanya mempunyai lebih kurang 8,000 jam penerbangan (flying hours). Ini menunjukkan Kerajaan dapat 65% penggunaan daripada pesawat-pesawat tersebut dengan hanya membayar sebanyak 30% daripada harga Allouette yang baru.

Tuan Yang Dipertua, ketujuh-tujuh pesawat Allouette tersebut telah diserahkan kepada TUDM Keluang dan sedang digunakan untuk latihan Juruterbang TUDM. Oleh yang demikian, soalan Ahli Yang Berhormat atas sebab-sebab mengapa helikopter-helekopter yang tidak boleh diservis dibeli tidak timbul sama sekali.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengapa Kerajaan tidak membeli helikopter-helikopter yang baru tetapi membeli helikopter-helikopter second-hand sahaja?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, jawapan memang telah jelas sekali daripada jawapan yang diberi oleh saya tadi. Kalau kita hendak beli yang baru harga sebuah Allouette ialah sebanyak \$1.1 juta.

**Timbalan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawapan Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 15 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).*

## PENYAKIT DENGGI—KAWALAN

**15. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau mengetahui bilangan kes penyakit denggi tahun ini yang berjumlah 2,700 kes, iaitu lima kali ganda jumlah kes untuk tempoh yang sama tahun lepas iaitu hanya 500 kes sahaja. Sila nyatakan langkah-langkah yang diambil ataupun akan diambil supaya membasmi penyakit tersebut.

**Dato' Lee Boon Peng:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjelasan telah pun diberi di Dewan yang mulia ini pada 27-10-82, 23-11-82, 25-11-82 dan 1-12-82 mengenai langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk menghadapi wabak denggi. Setakat ini, saya tiada apa-apa kenyataan yang hendak ditambah kepada penjelasan yang telah diberi itu.

## BUKIT KIJAL-REKABENTUK ALIRAN KECURAMAN

**16. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sejauh manakah tindakan diambil untuk merendahkan Bukit Kijal, Kemaman bagi melicinkan perjalanan lalulintas yang kian bertambah sekarang.

**Dato' S. Samy Vellu:** Rekabentuk untuk memperelokkan aliran (alignment) kecuraman Bukit Kijal telah disiapkan oleh Kementerian saya dalam tahun 1980, akan tetapi perlaksanaannya ditangguh kerana adanya permintaan dari Kerajaan negeri Terengganu supaya alirannya (alignment) dipinda. Sebagai satu alternatif, Kementerian saya sedang meneliti dan mengkaji kemungkinan diadakan "Lencungan Telok Kalong" dengan mengambil kira kepentingan

pembangunan kawasan pusat perusahaan Telok Kalong. Dengan aliran (alignment) ini, ia bukan sahaja dapat mengelakkan bahagian curam Bukit Kijal bahkan dapat memberi khidmat penggunaan yang lebih kepada pembangunan di kawasan itu. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini ditangguhkan buat sementara waktu sehingga Kementerian saya diberi peruntukan yang mencukupi.

### HARGA BIJIH TIMAH

17. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan harga getah dan bijih timah, dan langkah-langkah positif untuk memperbaikinya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, ingin saya menjelaskan bahawa soalan-soalan seumpama ini telah dijawab oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Perusahaan Utama semasa menjawab pertanyaan-pertanyaan mulut daripada:

- Y. B. Ahli dari Bandar Marudu, pada 14-10-82.
- Y. B. Ahli dari Bandar Kuching, pada 27-10-82.
- Y. B. Ahli dari Ipoh pada 9-11-82.
- Y. B. Ahli dari Ulu Muda, pada 1-12-82.

Mereka juga telah menyentuh tentang soalan tersebut semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1983 bagi Kementerian Perusahaan Utama pada 16hb, November yang lepas.

Oleh yang demikian, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa jawapan tambahan mengenai soalan ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang Pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG- UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG GERENTI PINJAMAN (PERTUBUHAN-PERTUBUHAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk Meminda Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan), 1965" dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman di pasaran antarabangsa berasaskan kepada dua Akta iaitu Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 bagi pinjaman yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan dan Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, bagi pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan. Kedua-dua Akta ini mempunyai peruntukan yang menentukan proses menyelesaikan sebarang pertikaian yang mungkin timbul di antara peminjam atau pemberi gerenti dengan pihak pemberi pinjaman. Di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, seksyen 4 (5) memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menyerahkan segala pertikaian kepada keputusan Mahkamah di negeri di mana pinjaman itu dibuat. Bagaimanapun, bagi pinjaman-pinjaman yang digerenti oleh Kerajaan, peruntukan Akta yang berkenaan iaitu seksyen 9 di dalam Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 memperuntukkan supaya segala pertikaian yang mungkin timbul di antara peminjam atau pemberi gerenti dengan pihak pemberi pinjaman hendaklah diselesaikan dengan cara timbangtara.

Dengan adanya dua peruntukan yang berlainan ini, adalah terdapat dua cara untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian yang mungkin timbul di antara peminjam atau pemberi gerenti iaitu Kerajaan Persekutuan dengan pihak pemberi pinjaman. Keadaan seperti ini akan memberi gambaran yang tidak memuaskan kepada institusi-institusi kewangan di pasaran antarabangsa yang mungkin berpendapat bahawa Kerajaan Malaysia mengamalkan dua polisi yang berlainan dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian.

Kebanyakan daripada institusi-institusi kewangan antarabangsa berpendapat bahawa timbangtara bukanlah satu forum yang biasa dipakai bila mana timbul satu-satu pertikaian antara pemberi pinjam, peminjam dan pemberi gerenti. Biasanya timbangtara digunakan bagi perjanjian yang lebih condong kepada segi teknikal seperti perjanjian pembinaan atau pembelian barang-barang teknikal yang membuat berbagai waranti. Di dalam hal perjanjian pinjaman, perkara teknikal serupa ini mungkin tidak timbul. Tambahan pula mereka tidak nampak bagaimana apa-apa pertikaian boleh timbul setelah segala wang pinjaman telah diberi kepada peminjam selain daripada peminjam tidak membayar balik wang pinjaman mereka. Mereka lebih suka, sekiranya pertikaian berlaku, ianya dirujuk kepada mahkamah dan diputuskan oleh mahkamah tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963. Dalam hubungan ini, adalah dikhuatirkan ianya akan memberi kesan yang tidak baik terhadap keupayaan agensi-agensi Kerajaan untuk mendapat pinjaman dari pasaran antarabangsa walaupun dijamin oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, pindaan kepada seksyen 9, Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 yang dicadangkan adalah

diperlukan supaya ianya selaras dengan peruntukan seksyen 4 (5) Akta Pinjaman Luar Negeri 1963. Dengan cara ini sebarang keraguan di pihak institusi-institusi kewangan antarabangsa dapat diatasi dan ianya juga dapat mencerminkan penyataan polisi Kerajaan terhadap pinjaman antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh sebab tidak ada Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap atas Rang Undang-undang ini, saya meneruskan bahawa dengan kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempergunakan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.44 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 1) 1982 untuk meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968 dibaca bagi kali keduanya.

Tuan Yang Dipertua semasa membentangkan Belanjawan negara tahun 1983, pada 22hb Oktober, 1982, Y.B.M. Menteri Kewangan antara lainnya telah mengumumkan bahawa Kerajaan bercadang untuk meminda Seksyen 29 Akta Galakan Pelaburan, 1968 iaitu mengenai Galakan Elaun Eksport yang bertujuan untuk memperbaiki galakan eksport yang diberi kepada pengeksport barang-barang perkilangan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, eksport barang-barang perkilangan Malaysia telah bertambah dengan kadar yang menggalakan dalam tahun-tahun 70an. Pertumbuhan eksport barang-barang perkilangan dalam tahun-tahun 1980 dan 1981 adalah agak perlahan akibat dari bertambahnya persaingan dari negara-negara pengeksport barang-barang perkilangan yang baru, bertambahnya sekatan perlindungan perdagangan dari negara-negara pasaran utama serta kedudukan ekonomi dunia yang tidak memuaskan. Untuk memberikan sokongan serta mengadakan pertumbuhan eksport barang-barang

perkilangan, kita haruslah menyediakan galakan-galakan eksport yang lebih berkesan.

Tuan Yang Dipertua, peruntukan Seksyen 29 Akta Galakan Pelaburan yang berkuatkuasa sekarang membolehkan syarikat-syarikat pengilang untuk maksud perkiraan cukai pendapatan menolak daripada pendapatan kasar mereka sejumlah elaun eksport berasaskan berikut:

- (a) 2% dari pendapatan kasar pada nilai harga kilang (ex-factory) diperolehi dari jualan eksport pada tahun asas; dan
- (b) 10% daripada nilai tambahan di antara pendapatan kasar dari jualan eksport tahun asas dengan tahun sebelumnya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) meningkatkan elaun eksport daripada 2% kepada 5% iaitu pada satu kadar sahaja;
- (b) perkiraan pendapatan kasar diubah daripada nilai harga kilang (ex-factory) kepada nilai percuma ke dalam kapal (f.o.b.); dan
- (c) membolehkan syarikat-syarikat perniagaan (trading companies) dan agen-agen untuk menikmati elaun eksport ini selain daripada syarikat-syarikat pengilang.

Pindaan-pindaan ini secara menyeluruh adalah dijangkakan lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi eksport keluaran perkilangan.

Selain daripada menambah kadar dari 2% kepada 5% satu unsur penting dalam pindaan yang dicadangkan ialah menukar perkiraan elaun eksport dari pendapatan kasar nilai kilang (ex-factory value) kepada pendapatan kasar percuma ke dalam kapal (F.O.B.). Pindaan ini memasukkan kos tambang dan insurance ke

pelabuhan dalam perkiraan elaun eksport yang mana sekarang ini tidak diambilkira. Ini merupakan galakan kepada syarikat-syarikat yang terletak jauh di luar Kawasan Pelabuhan di mana kesan tambahan kos tambang dan insuran menyebabkan keluaran eksportnya kurang kompetitif dalam pasaran antarabangsa.

Mengikut peruntukan yang ada sekarang, Galakan Elaun Eksport hanya diberi kepada pekilang-pekilang sahaja dan tidak melayakkan syarikat-syarikat perniagaan atau agen yang mengeksport barang perkilangan Malaysia menikmati galakan yang sama. Kita perlulah menyedari pentingnya peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat perniagaan eksport dalam perkembangan eksport barang-barang perkilangan. Oleh yang demikian, peruntukan baru ini akan membolehkan syarikat-syarikat perniagaan eksport dan agen-agen menikmati galakan ini. Pengilang-pengilang kecil yang dahulunya tidak berkeupayaan mengeluarkan perbelanjaan untuk mencari pasaran eksport akan berpeluang mengeksport barang perkilangan mereka melalui syarikat-syarikat perniagaan dan agen-agen. Usaha-usaha mengeksport barang-barang perkilangan ke pasaran tradisional serta juga kepada pasaran-pasaran baru akan dapat dipergiatkan.

Perkembangan syarikat-syarikat perniagaan dan agen-agen pengeksport akan juga membuka peluang pekerjaan yang lebih. Perkembangan dan pertumbuhan syarikat-syarikat perniagaan eksport ini juga adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan syarikat-syarikat "sogo-shosas" untuk membantu memperluaskan perdagangan eksport negara.

Tuan Yang Dipertua, cadangan-cadangan seperti yang saya sebutkan tadi memerlukan pindaan kepada beberapa sub-seksyen 29 Akta

Galakan Palaburan, 1968. Sub-seksyen 29 (1) dipinda dengan mengeluarkan perkataan-perkataan "which includes the production in Malaysia of manufactured products" dan sub-seksyen 29 (2) (a) dipinda dengan mengeluarkan perkataan "directly or through agents or the other intermediaries" untuk membolehkan syarikat-syarikat bukan pengilang juga menikmati Elaun Eksport. Sub-seksyen 29 (b) (i) dipinda menjadi 5% daripada pendapatan kasar berbanding dengan kadar 2% sahaja sekarang. Sub-seksyen 3 dipinda menjadikan asas pengiraan pendapatan kasar kepada 5% nilai F.O.B. berbanding dengan nilai harga kilang seperti peruntukan sekarang. Sub-seksyen-sub-seksyen kepada seksyen 29 yang lain adalah dikekalkan.

Dengan kelulusan pindaan Rang undang-undang ini adalah dijangkakan sektor pengilangan yang berorientasikan eksport khususnya dan syarikat-syarikat perniagaan dan agen-agen amnya akan terus meningkatkan sumbangan terhadap prestasi eksport negara serta menambahkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk Meminda Akta Galakan Pelaburan tahun 1968 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *memperkeruskakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 ptg.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk melesen dan mengawal perniagaan Bank Islam" dibacakan bagi kali yang kedua.

Sejak beberapa tahun yang lalu, banyak pihak telah menyuarakan hasrat untuk menubuhkan Bank Islam di Malaysia supaya umat Islam di Malaysia dapat mengamalkan hukum-hukum Syarak dalam bidang urusan bank dan urusan kredit. Kongres Ekonomi Bumiputera 1980 telah meluluskan usul meminta Kerajaan membenarkan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji atau Tabung Haji dengan ringkasnya, menubuhkan sebuah Bank Islam di Malaysia untuk mengumpul dan melaburkan wang orang-orang Islam. Seminar

Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tahun 1981 telah meluluskan resolusi meminta Kerajaan mengambil tindakan segera untuk mengadakan undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank-bank dan badan-badan kewangan yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Islam. Hasrat untuk menubuhkan Bank Islam juga telah disuarakan pada peringkat negeri dan oleh kumpulan-kumpulan masyarakat Islam.

Usaha-usaha untuk menubuhkan Bank Islam di Malaysia telah pun dibuat secara berasingan sejak tahun 1980 dan Tabung Haji, PERKIM dan orang-orang perseorangan. Hasil daripada usaha-usaha ini, Kerajaan telah menerima syor yang dibuat oleh Tabung Haji supaya usaha-usaha bagi penubuhan sebuah Bank Islam hendak diselaraskan pada peringkat kebangsaan. Berikutan dengan ini pada 30hb Julai 1981, Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam telah dilantik dengan dipengerusikan oleh Yang Mulia Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman, dan Tabung Haji dilantik sebagai Urusetia.

Jawatankuasa ini telah mengemukakan laporannya pada 5hb Julai 1982. Antara perakuan-perakuan Jawatankuasa adalah perkara-perkara berikut:

- (i) Sebuah Bank Islam yang menjalankan operasinya mengikut lunas-lunas hukum Syarak hendaklah ditubuhkan;
- (ii) Bank Islam tersebut hendaklah diperbadankan sebagai sebuah Syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965;
- (iii) Oleh kerana Akta Bank, 1973 tidak sesuai bagi operasi Bank Islam, maka satu peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bank Islam, 1982 hendaklah diadakan untuk

melesen dan mengawasi Bank Islam; dan pengawasan Bank Islam di bawah Akta ini hendaklah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia; dan

- (iv) Bank Islam hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa ia menjalankan urusniaganya mengikut lunas-lunas hukum Syarak.

Tuan Yang Dipertua, tujuan utama penubuhan Bank Islam di negara ini ialah semata-mata untuk mewujudkan sebuah institusi bank yang menjalankan operasinya mengikut hukum, prinsip dan peraturan seperti yang digariskan oleh agama Islam yang maha suci. Dengan tertubuhnya bank ini maka bolehkan umat Islam di negara ini menjalankan urusan-urusan bank dengannya mengikut lunas-lunas hukum Syarak.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan mempunyai azam dan perancangan yang terperinci untuk memperkenal dan menerapkan unsur-unsur Islam dalam sistem kewangan di negara ini. Penubuhan Bank Islam adalah menjadi bibit atau benih yang amat penting dalam usaha ini. Ini adalah kerana Bank Islam yang akan ditubuhkan itu adalah merupakan institusi bank perdagangan, dan bank perdagangan adalah menjadi nadi kepada sistem kewangan sesebuah negara. Kesungguhan Kerajaan dalam hal ini dapat dibuktikan dari usaha untuk meluluskan Akta ini dan Akta-akta lain yang berkaitan, dan dari penglibatan dan sokongan penuh yang diberikan kepada penubuhan Bank tersebut. Hampir tidak ada sebuah pun Bank Islam yang ditubuhkan di negara lain setakat ini yang mempunyai penglibatan dan sokongan penuh Kerajaan seperti yang diberikan kepada Bank Islam yang akan ditubuhkan di negara ini. Tetapi kita perlulah sedar bahawa usaha

penyerapan nilai-nilai Islam dalam sistem kewangan negara adalah suatu usaha yang baru dan usaha penerokaan. Oleh itu untuk menjamin kejayaan usaha ini kita mestilah mempunyai perancangan dan strategi dan melaksanakannya dengan hati-hati. Kita tidak boleh melakukannya dengan tergesa-gesa tanpa perancangan yang teliti dan strategi yang teratur.

Oleh yang demikian penubuhan Bank Islam menghendaki sokongan dari semua pihak demi untuk kejayaannya, dan seterusnya kejayaan rancangan penyerapan unsur-unsur Islam dalam sistem kewangan di negara ini seperti yang telah disusun oleh Kerajaan. Kerajaan telah menyambut rayuan dan hasrat umat Islam di negara ini untuk menubuhkan sebuah Bank Islam dengan cara yang paling berkesan—iaitu melalui perancangan, penglibatan dan sokongan yang penuh. Sekarang terpulanglah kepada umat Islam di negara ini pula untuk menunjukkan kesungguhan hasrat dan keikhlasan mereka dengan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Bank yang akan ditubuhkan itu.

Kepada semua golongan yang bukan beragama Islam, sukalah saya menegaskan bahawa penubuhan Bank Islam sama sekali tidak akan menjejaskan kedudukan mereka. Bahkan sebaliknya mereka juga akan beroleh manfaat dari penubuhan Bank ini. Uagama Islam adalah ugama yang liberal, dan membawa nilai-nilai hidup yang bersifat universal. Dalam hal penubuhan Bank ini, Islam tidak menghalang orang-orang yang bukan Islam bekerja dengan Bank Islam, ataupun mengurus niaga dengannya, selagi cara-cara perjalanan Bank itu dipatuhi. Oleh yang demikian, penubuhan Bank Islam boleh juga dianggap sebagai mengadakan suatu lagi peluang urusan bank di negara ini bagi semua penduduknya—sama ada

dari segi membuat simpanan ataupun dari segi mendapatkan punca kewangan untuk membuat pelaburan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan dengan tegasnya bahawa penubuhan Bank Islam adalah terbit dari hasrat suci murni seluruh umat Islam, serta kesedaran Kerajaan mengenai tanggungjawabnya bagi menegakkan hukum-hukum Allah di negara ini. Oleh yang demikian saya mengharapkan sokongan yang penuh dari semua pihak. Dan yang lebih penting lagi, hendaklah jangan ada sabotaj atau pengkhianatan dalam apa jua bentuk kepada usaha mulia ini, sama ada dari golongan bukan Islam ataupun dari kalangan umat Islam sendiri.

Tuan Yang Dipertua, Bank Islam dijangka akan mempunyai modal dibenar sebanyak \$500 juta manakala modal dibayar pada permulaannya adalah sebanyak \$100 juta. Jumlah modal yang besar ini adalah perlu bagi Bank Islam berdasarkan kepada 2 sebab utama. Pertama, saiz modal bagi mana-mana bank adalah menjadi salah satu faktor utama yang akan menentukan dan juga membayangkan kekukuhan dan kestabilan Bank. Ciri ini juga penting dari segi pengembelian wang; sama ada dalam bentuk akaun semasa dan akaun simpanan ataupun dalam bentuk akaun pelaburan. Pemegang-pemegang akaun semasa dan akaun simpanan akan hanya menyimpan wang dalam Bank sekiranya mereka yakin yang Bank Islam adalah tegoh dan stabil. Begitu juga dengan pemegang-pemegang akaun pelaburan yang akan melibatkan diri dalam kontrak Mudharabah atas alasan yang sama. Kedua, perlunya Bank Islam mempunyai modal yang besar adalah kerana menjadi prinsip Bank Islam bahawa bagi pemegang-pemegang akaun semasa dan akaun simpanan yang tidak terlibat di dalam

keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan Bank Islam, maka adalah wajar ianya dilindungi secukupnya oleh modal dan rezab Bank pada amnya. Dengan itu, adalah dijangka bahawa semakin besarnya modal Bank Islam, maka semakin bertambah pula simpanan yang akan dapat diterimanya.

Mengenai pemegangan saham Bank Islam pula, penyertaan terbesar sebanyak \$30 juta akan disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan, \$25 juta akan dipegang oleh Majlis Ugama Islam Negeri-negeri, \$10 juta akan dipegang oleh Tabung Haji dan sebanyak \$5 juta lagi akan dipegang oleh PERKIM. Selain dari itu, Perbadanan-perbadanan Ugama Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri dan Perbadanan peringkat Persekutuan seperti FELDA dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera serta badan-badan lain yang layak akan sama-sama memiliki \$30 juta lagi. Penyertaan individu-individu di peringkat permulaan penubuhan Bank Islam adalah tidak digalakkan. Ini untuk membolehkan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan memastikan Bank ini dapat bertapak dengan asas-asas yang kukuh setelah mengambilkira keadaan yang mencabar di peringkat permulaan penubuhan Bank Islam ini. Mungkin individu-individu yang berminat untuk menyertai Bank ini akan dijemput berbuat demikian setelah Bank Islam menjadi institusi yang berjaya dan memperolehi keuntungan yang membanggakan.

Bank Islam akan mempunyai struktur organisasi yang akan mencerminkan objektif perbadanan dan fungsi-fungsi utamanya. Di peringkat tertinggi, Bank ini akan mempunyai Pengarah dan Ketua Eksekutif serta Odit Dalam yang akan melaporkan terus kepada Lembaga Pengarah. Di samping itu juga, Majlis

Pengawasan Syariah akan menasihatkan Lembaga Pengarah berhubung dengan perjalanan operasi Bank yang ada kaitannya dengan hal ehwal ugama Islam. Di peringkat awal, Bank ini akan mempunyai 3 bahagian utama iaitu Bahagian Tabungan, Bahagian Pelaburan dan Bahagian Pentadbiran. Sekiranya ada cawangan-cawangan yang akan ditubuhkan kelak, ianya akan diletakkan di bawah Bahagian Tabungan. Bagaimanapun, pihak pengurusan Bank akan diberi kelonggaran untuk membuat perubahan yang sesuai kepada struktur ini bergantung kepada peringkat perkembangan Bank dan keperluan semasanya.

Saya juga diberitahu oleh pihak yang giat menjalankan usaha persediaan bagi menubuhkan Bank Islam bahawa langkah-langkah sedang diambil bagi memperolehi ahli-ahli pengurusan, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang mempunyai pengetahuan serta berpengalaman dalam urusan bank untuk berkhidmat sebagai kakitangan pelupur. Ini adalah perlu kerana Bank Islam akan memulakan operasinya dengan segera selepas ianya ditubuhkan, dan bagi tujuan menyediakan tenaga pelatih yang akan melatih kakitangan yang baru. Bagi golongan kakitangan lain, dan juga dalam jangka sederhana dan jangka panjang, Bank Islam akan mengambil kakitangan sendiri dari golongan mereka yang baru lulus dari sekolah, maktab dan insitituti pengajian tinggi dan melatih mereka bagi memenuhi kehendak kakitangannya. Bagi tujuan ini, Bank Islam akan menubuhkan Pusat Latihan Kakitangannya serentak dengan penubuhannya. Buat permulaan Pusat ini akan bertempat di Kompleks Tabung Haji di Sungai Way. Latihan yang akan diberikan semestinya akan menitikberatkan bidang falsafah dan konsep Islam mengenai urusan bank serta semua

ini Bank Islam telah juga menghantarkan dua orang bakal pegawai kanannya, yang masing-masing mempunyai pengalaman berkhidmat dalam bank perdagangan dan bank saudagar, bagi mengikuti kursus diploma di Institut Bank dan Ekonomi di Cyprus.

Salah satu dari sifat Bank Islam yang terpenting ialah penghapusan pembayaran dan penerimaan faedah. Oleh itu keseluruhan operasi Bank Islam akan dijalankan bukan berasaskan kepada faedah, babkan sebaliknya berasaskan kepada keuntungan.

Bank Islam akan menjalankan operasinya mengikut konsep-konsep urusniaga seperti yang telah ditetapkan oleh Syarak. Antara konsep-konsep ini termasuklah:

- (a) *Wadi'ah*, iaitu kaedah dan perjanjian bagi menyimpan wang dalam jagaan bank;
- (b) *Mudharabah*, iaitu kaedah dan perjanjian antara pemilik modal dan pengusaha di mana pemilik modal bersetuju membiayai sepenuhnya sesuatu projek perniagaan atau aktiviti pelaburan dan pengusaha bersetuju mengusahakannya secara berkongsi untung rugi dengan nisbah pembahagian untung-rugi dipersetujui bersama terlebih dahulu;
- (c) *Musarakah*, iaitu kaedah dan perjanjian perkongsian antara pemilik modal dan pengusaha bagi menjalankan sesuatu projek perniagaan atau aktiviti pelaburan di mana kedua-dua pemilik modal dan pengusaha bersama-sama bersetuju menyumbangkan modal dan berkongsi untung-rugi; dan
- (d) *Murabahah*, iaitu suatu kaedah di mana pemilik modal membeli barang atau harta yang dikehendaki oleh pengusaha

dan seterusnya menjualkan barang atau harta itu kepada pengusaha dengan kadar untung yang dipersetujui bersama oleh kedua belah pihak.

Dengan berasaskan kepada konsep-konsep urusniaga seperti yang telah saya terangkan tadi, Bank Islam akan menyediakan berbagai jenis kemudahan dan khidmat bank yang dibolehkan oleh Syarak. Dari segi mendapatkan simpanan dari pelanggan-pelanggannya, Bank Islam akan menyediakan kemudahan-kemudahan menyimpan dan melabur seperti berikut:

- (a) Akaun Semasa.
- (b) Akaun Simpanan.
- (c) Akaun Pelaburan Am.
- (d) Akaun Pelaburan Khas.

Simpanan-simpanan pelanggan dalam Akaun Semasa dan Akaun Simpanan adalah merupakan simpanan bukan-pelaburan. Pelanggan-pelanggan menyimpan wang mereka dalam Akaun-akaun ini adalah dengan tujuan keselamatan, keselesaan menggunakan wang, dan sebagai amalan jimat cermat. Bank Islam menerima simpanan dalam kedua-dua Akaun ini atas prinsip *Wadi'ah*. Buku cek dan buku simpanan akan dikeluarkan kepada pelanggan. Demikian juga kemudahan mengeluarkan wang dan kemudahan-kemudahan biasa yang lain akan disediakan. Tetapi bagi kedua-dua Akaun ini penyimpan tidak akan berkongsi untung-rugi dengan bank dari pelaburan simpanan mereka, walaupun bank bercadang untuk memberi hadiah kepada penyimpan dalam Akaun Simpanan sebagai tanda penghargaan bank. Sebaliknya simpanan dalam Akaun Pelaburan Am dan Akaun Pelaburan Khas adalah simpanan pelaburan. Bank menerima simpanan-simpanan ini atas prinsip *Mudharabah*. Oleh itu

penyimpan-penyimpan akan berkongsi untung-rugi dengan bank dari pelaburan simpanan-simpanan mereka. Simpanan-simpanan dalam kedua-dua Akaun Pelaburan ini akan diterima bagi tempoh tertentu seperti 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan, 12 bulan, 15 bulan, 18 bulan dan 24 bulan dan ke atas.

Dari segi pelaburan dan penggunaan simpanan, sepanjang yang berkenaan dengan khidmatnya kepada pelanggan, Bank Islam akan menyediakan berbagai kemudahan pelaburan dan pembiayaan. Kemudahan-kemudahan ini kebanyakannya akan disalurkan berasaskan konsep Mudharabah, Musarakah dan Murabahah. Antara kemudahan-kemudahan ini termasuklah berbagai jenis pelaburan dan pembiayaan jangka sederhana dan jangka panjang seperti:

- (i) pembiayaan projek;
- (ii) pembiayaan keperluan harta tetap;
- (iii) pembiayaan kelengkapan dan setok; dan
- (iv) pembiayaan sementara serta pembiayaan akhir untuk harta rumah tanah.

Selain dari itu, Bank Islam juga akan menawarkan khidmat-khidmat bank biasa yang lain yang dibolehkan oleh Syarak. Antara khidmat-khidmat ini termasuklah kemudahan-kemudahan pembiayaan niaga seperti kredit "packing", ataupun, dengan izin packing credit, pengeluaran surat-surat kredit, pembelian bil-bil dokumentari tempatan dengan izin, inner bills, dan luar negeri, pembelian-pembelian cek-cek luaran, dan bertindak sebagai agen pengutip bagi bil-bil perdagangan tempatan, eksport dan import dan lain-lain suratcara boleh niaga. Bank ini juga akan menyediakan khidmat-khidmat seumpama penghantaran wang dan jual-beli tukaran asing. Bank Islam

juga berkemungkinan memberikan khidmat dalam bidang pengurusan pelaburan dan portfolio serta berbagai jenis khidmat kewangan syarikat.

Walaupun terdapat perbezaan-perbezaan tertentu di antara bank biasa dan Bank Islam seperti yang telah saya nyatakan tadi perlulah ditegaskan bahawa sebuah Bank Islam adalah juga sebuah syarikat yang menjalankan perusahaan bank, dan oleh itu ianya perlu mematuhi kehendak-kehendak kebijaksanaan, mengikut amalan-amalan bank yang baik, dan memelihara taraf profesionalisma dan kejujuran yang tinggi sama seperti bank biasa.

Tuan Yang Dipertua, Bank Islam, seperti juga bank biasa yang lain, hendaklah dilesen dan diawasi oleh Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, oleh kerana Bank Islam mematuhi lunas-lunas Syarak; Akta Bank, 1973 adalah tidak sesuai bagi digunakan sebagai landasan untuk mengawasinya, Oleh Yang demikian adalah perlu diadakan suatu perundangan yang berasingan untuk mengawal Bank Islam. Rang Undang-undang Bank Islam 1982 telah disusun dengan berpandukan kepada Akta Bank, 1973 yang sedia ada dengan ubahsuaian yang perlu supaya sejajar dengan prinsip-prinsip urusan Bank Islam. Rang Undang-undang tersebut dengan itu mengekalkan amalan urusan bank yang baik yang terdapat dalam Akta Bank, 1973, dan Bank Negara diberikan kuasa-kuasa penyeliaan dan pengawasan ke atas Bank Islam seperti lain-lain bank yang berlesen.

Rang Undang-undang ini pada amnya berasaskan kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank, 1973, terutamanya bersabit dengan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perlesenan, pengawalan dan pemeriksaan dengan pengubahsuaian yang berpatutan di

mana perlu. Ini ialah oleh kerana Bank Islam hendaklah diberi layanan yang sama, setakat mana yang boleh, seperti bank-bank biasa lain yang berlesen. Walau bagaimanapun, beberapa peruntukan baru telah dibuat untuk membolehkan Bank Islam mematuhi lunas-lunas Syarak.

Suatu peruntukan utama Rang Undang-undang ini, yang terkandung dalam Klausa 2, ialah takrif Bank Islam. Sebuah Bank Islam ditakrifkan sebagai sebuah syarikat yang mempunyai lesen yang sah dan menjalankan perniagaan bank berasaskan prinsip-prinsip Islam. Keperluan sebuah Bank Islam merupakan sebuah syarikat bererti bahawa hanya syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia sahaja yang layak memohon lesen, tidak seperti peruntukan Akta Bank, 1973 di mana sebarang perbadanan asing dan tempatan boleh memegang lesen bank.

Suatu peruntukan baru yang juga terkandung dalam klausa 2 ialah takrif liabiliti-liabiliti atau tanggungan-tanggungan akaun pelaburan. Seperti mana bank-bank perdagangan biasa, kebanyakan kumpulan wang untuk urusan-urusan pelaburan Bank Islam akan diperolehi daripada penyimpan-penyimpan wang ataupun pendeposit-pendeposit. Dua kategori liabiliti deposit adalah liabiliti deposit bukan-pelaburan dan liabiliti deposit pelaburan. Seperti juga bank-bank perdagangan biasa, deposit akaun semasa dan deposit akaun simpanan adalah merupakan deposit-deposit bukan—pelaburan. Deposit-deposit pelaburan ataupun simpanan-simpanan dalam akaun pelaburan adalah merupakan suatu ciri istimewa Bank Islam. Seperti yang telah dijelaskan lebih awal tadi, ini adalah deposit ataupun simpanan yang disimpan oleh penyimpan dengan bank untuk suatu jangkamasa yang

tetap di bawah suatu perjanjian untuk berkongsi keuntungan atau kerugian bank itu yang timbul daripada pelaburan kumpulan wang tersebut.

Sesebuah syarikat yang menghendaki lesen untuk menjalankan perniagaan Bank Islam di Malaysia hendaklah membuat permohonan melalui Bank Negara Malaysia untuk dikemukakan kepada Menteri Kewangan. Mengikut Klausa 3 Rang Undang-undang ini Bank Negara tidak akan mengesyorkan pemberian lesen, dan Menteri tidak akan mengeluarkan lesen, kecuali Tata Persatuan Syarikat itu secara khas memperuntukkan penubuhan Badan Penasihat Syariah yang akan menasihatkan bank itu dalam menjalankan urusan-urusannya menurut prinsip-prinsip Islam.

Akta Bank, 1973 memperuntukkan bahawa jika sesebuah bank berlesen tidak berupaya menjalankan tanggungan-tanggungannya, semua liabiliti ataupun tanggungan deposit bank tersebut akan diberi keutamaan ke atas kesemua aset-aset ataupun harta bank tersebut. Walau bagaimanapun, mengikut konsep Bank Islam, liabiliti deposit bukan-pelaburan patut diberi keutamaan ke atas semua liabiliti lain jika sesebuah Bank Islam tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungannya. Oleh itu, Klausa 45 Rang Undang-undang ini telah mengadakan peruntukan yang memberi keutamaan kepada liabiliti akaun semasa dan liabiliti akaun simpanan dalam pembahagian aset-aset ataupun harta-harta bank tersebut jika bank itu tidak berupaya menjelaskan tanggungan-tanggungannya. Liabiliti akaun pelaburan tidak diberi keutamaan yang sama seperti liabiliti akaun semasa dan liabiliti akaun simpanan memandangkan seseorang pelabur yang menyimpan wangnya dengan

Bank Islam dalam bentuk akaun pelaburan akan berkongsi keuntungan atau kerugian bank tersebut, dan dengan itu tidak sama keadaannya dengan liabiliti akaun semasa dan liabiliti akaun simpanan.

Di samping itu, bagi maksud membolehkan sesebuah Bank Islam menjalankan urusannya, pindaan-pindaan perlu dibuat kepada Akta Syarikat 1965, Akta Bank, 1973, Akta Syarikat-syarikat Kewangan, 1969 dan Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958. Pindaan-pindaan ini hanyalah merupakan pindaan-pindaan susulan sahaja.

Akhirnya, saya ingin juga menyatakan iaitu, berbeza dengan bank-bank biasa yang ditegah oleh Akta Bank, 1973 dari melibatkan diri dalam perniagaan dan perdagangan, Bank Islam tidak ditegah dari menjalankan perniagaan dan perdagangan demikian sejajar dengan prinsip-prinsip Islam. Sebahagian besar dari kegiatan-kegiatan Bank Islam adalah dalam bentuk penyertaan dalam perniagaan.

Tuan Yang Dipertua, inilah beberapa ciri-ciri utama Rang Undang-undang ini, yang bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi penubuhan bank-bank Islam di Malaysia, dan seterusnya membolehkan umat Islam di negara ini mendapat manfaat daripada perkhidmatan sistem bank yang moden tanpa membayar atau menerima faedah. Insyallah, penubuhan Bank Islam akan berjaya memenuhi kehendak umat Islam dan semua penduduk negara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalan perniagaan Bank Islam dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.24 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh):** Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Bank Islam tahun 1982 yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada hari ini.

Penubuhan Bank Islam ini, saya adalah merupakan orang pertama untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dengan kejujurannya serta dengan keikhlasan yang ada pada Kerajaan sekarang telah pun berjaya mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi membentuk sesebuah Bank Islam yang menjalankan dasar dan luns perniagaannya sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Kejujuran Kerajaan ini seharusnya diambil perhatian oleh semua pihak baik dari pihak yang beragama Islam mahupun pihak yang bukan beragama Islam bahawa Bank ini tidak akan menyekat sebarang rakyat atau sebarang agama yang akan menyertai di dalam melaksanakan operasi Bank tersebut sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sekejap tadi.

Apa yang saya hendak tekankan di sini bahawa dengan penubuhan Bank Islam ini, selain daripada syor-syor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri tadi, tidak ada satu badan lain yang mengaku bahawa Bank ini adalah ditubuhkan kerana syor-syor atau kehendak-kehendaknya tetapi Bank ini ditubuh adalah dengan kehendak-kehendak dan kesedaran Kerajaan dan juga sebagai satu cara

Kerajaan hendak menyerapkan unsur-unsur Islam di dalam perakaunan negara ini.

Penubuhan Bank ini seharusnya tidak akan menggugat kelancaran Dasar Ekonomi Baru dan juga pertumbuhan ekonomi negara ini tetapi sebaliknya penubuhan Bank ini akan menambahkan kelancaran Dasar Ekonomi Baru dan juga menggalakan pertumbuhan ekonomi negara ini. Penyerapan nilai-nilai Islam ke dalam kewangan seperti ini sebagai satu ujian yang akan menentukan kejujuran bukan sahaja kejujuran Kerajaan tetapi kejujuran pelaksanaan Bank ini di dalam menguruskan segala kewangan dan juga segala simpanan atau perakaunan yang dilakukan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa Bank ini tidak akan mengeluarkan sebarang faedah atau kadar yang dijanjikan oleh pihak Kerajaan tetapi Bank ini akan mengeluarkan keuntungan daripada syer-syer ataupun saham-saham yang ditanam modal ke pihak Bank ini. Begitu juga kemungkinan kredit yang akan digunakan ataupun pelanggan-pelanggan yang akan meminjam wang daripada Bank ini juga tidak akan membayar faedah dan tidak akan membayar kadar yang dijanjikan tetapi akan membayar keuntungan daripada perniagaan yang dilakukan. Inilah perkara yang menentukan kejayaan Bank Islam ini.

Ini adalah merupakan janji-janji yang tidak dinyatakan di situ dan ini juga merupakan satu ujian kepada kejujuran kakitangan yang menguruskan Bank tersebut, Jumaah-jumaah Pengarahnya, Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam menguruskan Bank tersebut dan juga menguji kejujuran kepada pelanggan-pelanggan yang hendak mendapat pinjaman dari Bank tersebut. Sekiranya tidak ada kejujuran di kedua pihak maka sudah tentu akhirnya akan diistiharkan

bahawa perniagaannya telah menanggung kerugian maka mereka dapat membayar faedah. Begitu juga di pihak Bank akan mengistiharkan bahawa Bank ini akan menanggung kerugian maka kita tidak akan dapat membayar keuntungan. Inilah sebagai satu ujian yang menentukan kejujuran bagi sebuah Bank Islam sebagaimana yang dinyatakan di sini.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu Bank ini ada juga memberi di dalam Fasal 24 telah menyebutkan bahawa pinjaman akan diberi tidak lebih daripada \$10,000 tanpa cagaran atau tidak bercagar dan ini merupakan satu usaha yang baik yang akan memberi kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil, kepada mereka yang cuba hendak menjalankan perniagaan untuk mendapatkan kemudahan pinjaman dengan berdasarkan kepercayaan dan kejujuran serta juga amanah yang digunakan kepada peminjam tersebut. Walaupun ini merupakan syarat-syarat yang digunakan kepada peminjam Bank-bank lain, bank-bank yang beroperasi di dalam negara kita tetapi penekanan ataupun titikberat kepada kejujuran ini hendaklah ditumpukan kepada Bank Islam sebagaimana segala peraturan atau keuntungannya yang tidak dijanjikan.

Selain daripada itu, bank ini hendaklah tidak akan berjalan dengan bersendirian. Walaupun bank ini telah dijamin oleh Bank Negara tetapi bank ini seharusnya mempunyai ikatan dengan bank-bank Islam antarabangsa yang bukan sahaja boleh memberi bantuan dari segi kewangan tetapi boleh memberi bantuan dari segi pengalaman yang telah dijalankan oleh Bank Islam yang lain di seluruh negara yang ada sebagaimana yang telah diwujudkan di negara-negara lain. Ini merupakan satu panduan dan pengalaman yang telah berjalan di sana setidaknya-tidaknya akan menjadi

pengajaran kepada kejayaan Bank Islam di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, saya hanya sempat melihat bahawa di dalam Seksyen 54 had hari kelepasan bank. Hendaknya hari kelepasan Bank Islam ini tidak akan mengikut hari kelepasan yang ada di negara-negara yang memberi hari kelepasan pada hari Ahad tetapi hendaklah hari kelepasannya diberi pada hari Jumaat sebagaimana setengah-setengah negeri di negara ini yang tidak menjalankan operasinya pada hari Jumaat. Ini menentukan bahawa pada hari itu operasi bank itu tidak berjalan sebagaimana bank-bank lain yang berjalan pada hari Jumaat bagi negeri yang tidak mempunyai cuti umum pada hari tersebut.

Jadi, kejayaan Kerajaan menubuhkan Bank Islam ini sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa tidak ada orang yang akan mengaku bahawa ini merupakan cadangannya, ini merupakan kehendaknya, ini merupakan hasratnya, ini merupakan matlamatnya dan ini merupakan itu dan ini. Tetapi Bank Islam ini diwujudkan atas kepercayaan, atas keyakinan Kerajaan dan juga atas kehendak-kehendak rakyat negara ini yang benar-benar faham akan lunas-lunas kehendak-kehendak Islam. Dan kelancaran perjalanan bank ini adalah berdasarkan kepada kerjasama daripada semua pihak dan tidak ada pihak-pihak tertentu yang cuba hendak menghalang atau menggagalkan kejayaan bank ini. Dan juga penggunaan daripada semua pihak terutama daripada orang-orang Islam yang akan menentukan kejayaan bank ini dari segi operasinya, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi bahawa walaupun ini telah diberi kepada semua pihak untuk menjalankan perniagaannya dengan

melalui bank ini, tetapi keutamaan kepada orang-orang Islam yang tahu akan peraturan dan kehendak-kehendak Islam ini adalah patut diutamakan kerana mereka inilah yang akan mendukung dan menentukan bahawa dasar pelaksanaan Islam di dalam kewangan akan berjalan dengan baik dan licin.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Bank Islam 1982 ini.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Batu Pahat.

4.35 ptg.

**Tuan Daud bin Dato' Taha (Batu Pahat):** Bismillahhirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, saya bersyukur kekhadrat Allah s.w.t. kerana dapat bersama-sama dan mengambil kesempatan di dalam menjayakan satu perkara yang sangat mulia, dan sangat agung dan yang sangat-sangat dikehadaki oleh Islam. Saya berbesar hati dan menyokong usul bagi menubuhkan sebuah Bank Islam di negara ini.

Pada pendapat saya, tidak patut ada seseorangpun yang mengakui dirinya sebagai seorang Islam yang sejati yang mendokong segala ajaran yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran tidak akan mempersetujui akan pembentukan sebuah Bank Islam.

Dalam hubungan ini memang tepat dan sudah kena pada tempatnyalah Kerajaan 2M yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mahathir Mohamad dan Dato' Musa Hitam bersama dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan diberikan tahniah di atas kejujuran mereka untuk mengadakan sebuah Bank Islam.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana sedia dimaklumkan hari ini semakin banyak negara Islam di dunia ini yang

menunjukkan baik dalam apa cara sekalipun bahawa mereka bersedia dan mempunyai keazaman untuk mengamalkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan mereka sehari-hari. Tidaklah menghairankan mengapa kegiatan dakwah telah berkembang begitu pesat, bukan sahaja di negara kita ini, malahan dia telah menyapu hampir keseluruhan muka bumi ini.

Dalam bidang ugama, sosial dan kehidupan sehari-hari sistem pengajaran Islam telah banyak diamalkan dan kini kita mulai melangkah masuk ke bidang ekonomi pula.

Pembentukan sebuah Bank Islam ini merupakan titik permulaan bagi Kerajaan membuktikan bahawa ia memang bersungguh-sungguh untuk mengamalkan sistem ekonomi Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Bank Islam ini kelak akan menjadi satu alat bagi kebaikan sebahagian besar umat manusia dan masyarakat dan bukan badan yang bertujuan semata-mata untuk mencari untung dan mengumpulkan kekayaan untuk segelintir orang sahaja.

Percubaan pertama secara rasmi untuk mempraktikkan teori tentang sistem Bank Islam ini telah dibuat di Mesir dalam tahun 1963 dan dalam masa 20 tahun selepas itu sekurang-kurangnya 40 buah negara, kalau saya tidak silap, di merata dunia telah menubuhkan atau dalam proses ke arah pembentukan bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang diasaskan kepada rukun-rukun ekonomi mengikut undang-undang atau syariat Islam. Apa yang menarik ialah beberapa buah bank serupa itu bukan sahaja wujud di negara-negara Arab tetapi juga terdapat di rantau-rantau luar Benua Arab termasuk Eropah, Afrika dan Asia, bahkan bank yang berasaskan Islam yang terbesar ialah bank yang ditubuhkan yang dinamakan Darul Al-Islami yang bertempat di Geneva.

Menurut laporan, Tuan Yang Dipertua, pada masa ini tidak kurang dari kira-kira \$350 billion wang dari negara-negara iaitu Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) ada tersimpan dalam bank di barat dan daripada jumlah tersebut hampir 75% datang dari negara-negara Islam dari Teluk Parsi.

Ini menunjukkan bahawa begitu besar sekali jumlah wang orang-orang Islam tidak disimpan dipergunakan atau diperniagakan mengikut sistem ajaran Islam yang sebenar. Tidaklah hairan, kalau terdapat orang-orang Islam yang menghadapi masalah kerana merasa diri mereka berdosa kerana menyimpan wang secara bukan Islam. Sering kita dengar orang tertanya-tanya tentang apakah hukumnya bagi mereka menyimpan wang di dalam bank-bank bukan Islam? Apakah mereka harus membiarkan sahaja wang faedah yang terkumpul dalam kira-kira mereka itu atau menyerahkan kembali kepada bank-bank tersebut.

Dengan penubuhan Bank Islam kita nanti masalah ini pasti akan dapat diatasi. Mereka ini tidak payah lagi bersusah menyimpan wang mereka di dalam bank yang mana mereka tidak menghayatinya.

Masalah besar yang dihadapi oleh orang-orang Islam ialah tentang memakan riba kerana itulah maka menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menolong mereka supaya tidak terus-menerus berbuat demikian iaitu dengan menyimpan wang ke dalam bank-bank yang bukan Islam. Sebenarnya golongan Gereja Kristian telah mengharamkan faedah ke atas pinjaman. Di Prancis pun hingga tahun 1789 pembayaran faedah ke atas pinjaman wang telah pun diharamkan. Ahli Falsafah yang terkemuka Aristotle dan Plato pernah berkata bahawa faedah atau riba bertentangan dengan fitrah semula jadi manusia. Di

dalam Bank Islam penyimpan-penyimpan boleh memilih banyak fungsi-fungsi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi iaitu seperti sistem Wadiah ataupun mudharabah, musyarakah, Murabahah tetapi tidak termasuk sepertimana yang saya baca dalam suratkhbar semalam yang dicadangkan oleh Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan hendak mengadakan Khadhassan iaitu satu lagi sistem kewangan dalam Bank Islam yang nampaknya tidak akan dilakukan di dalam sistem yang dicadangkan ini.

Tuan Yang Dipertua, orang-orang yang tidak bersetuju terutamanya golongan capitalis mengatakan bahawa sistem Bank Islam ini tidak akan berjaya kerana tidak dapat semacam kawalan yang ketat dari pihak berkuasa Bank Pusat tetapi dalam hal ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah pun menerangkan iaitu pengawasan akan dibuat oleh Bank Negara dan oleh yang demikian, perkara ini tidak mungkin berbangkit.

Di dalam sistem kewangan Bank Islam penglibatan penyimpan-penyimpan dengan bank adalah terlibat dengan begitu rapat kerana dengan persetujuan yang sama mereka boleh berbahagi keuntungan daripada projek-projek yang mereka telah bersetuju bersama; pada pendapat saya dalam perkara Muradabah. Dan seterusnya walaupun mungkin ada tuduhan, ada financial adventurism di dalam pelaksanaan Bank Islam tetapi saya percaya kejayaan yang akan dapat dicapai oleh Bank Islam pasti boleh diperakukan disebabkan kerana Bank Islam akan mempunyai pegawai-pegawai yang berkeupayaan, bertauliah serta juga yang mempunyai sifat dedikasi, amanah, serta sifa-sifat kepujian yang hanya boleh diperolehi atau hanya dituntut kepada mereka yang hendak bekerja di Bank Islam.

Oleh yang demikian, sifat tidak jujur mungkin boleh dikatakan tidak ada, mungkin kurang ada di dalam mereka. Oleh yang demikian, segala projek-projek yang dijalankan oleh Bank Islam mungkin akan boleh berjaya 100%, kerana selain daripada kebolehan pegawai-pegawai tersebut kemampuan bank itu untuk mendapatkan maklumat-maklumat serta juga peluang-peluang perniagaan yang sentiasa ada menyebabkan Bank Islam akan menjadi lebih competitive jika dibandingkan dengan syarat-syarat perniagaan yang biasa.

Banker-banker dan ahli-ahli ekonomi Islam berpendapat jika sistem kewangan Islam mahu dibiarkan berjaya mencapai matlamatnya kuasa yang lebih luas hendaklah diberikan supaya modal dapat digunakan untuk projek-projek yang berfaedah dengan mendatangkan hasil yang lebih tinggi. Dengan cara ini dapatlah digalakkan penyimpan dari pemegang-pemegang saham dan mengurangkan pergantungan kepada sumber-sumber luar. Sistem ini menurut mereka lagi akan membawa ekonomi negara lebih dekat lagi kepada matlamat pembiayaan pembangunan.

Sebenarnya, Tuan Yang Dipertua, bukanlah mudah mencapai matlamat ini, menubuhkan sebuah Bank Islam ialah satu perkara tetapi menjamin bahawa ia akan berjalan dengan licin, baik serta sempurna adalah satu perkara yang lain pula. Oleh yang demikian, bila tiba masanya nanti hendaklah difikirkan secara berhati-hati agar hanya orang-orang yang benar-benar dianggap matang, cekap, bersih dan amanah sahaja yang harus diberikan tugas untuk mengendalikannya. Kita tidak mampu menghadapi kegagalan. Kerana itulah sebabnya pada pendapat saya pengawasan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu sangat-sangat perlu pada setakat ini.

Tuan Yang Dipertua, Islam adalah agama lemah lembut yang apabila difahami dengan mendalam akan didapati boleh memberi manfaat kepada seluruh umat dan boleh memberikan keadilan yang saksama dan perlindungan kepada semua umat Islam dan bukan Islam. Tetapi hakikat ini hendaklah difahami dan disampaikan kepada mereka dengan secara contoh dan tauladan bukan dengan secara penekanan atau paksaan seperti yang disarankan oleh sebuah parti politik Pembangkang. Agama Islam bagaimana yang disarankan oleh Nabi Besar Muhammad s.a.w. mengajar umatnya dengan bertingkat-tingkat iaitu sekiranya umat Islam itu pada awal-awalnya hanya diajar dengan mengucap dua kalimah syahadat kemudian diajar untuk bersembahyang, selepas itu setelah berjaya baharulah memulakan puasa dan seterusnya sekiranya mampu membayar zakat dan seterusnya naik haji. Inilah bertingkat-tingkat bukan dengan secara sekali gus atau dengan paksaan yang menyebabkan ketakutan, kepada umat-umat, mereka yang tidak faham akan agama Islam yang begitu halus. Inilah yang patut diketahui oleh mereka yang bukan Islam iaitu Islam ialah agama yang lemah-lembut, memberi bantuan pemerhatian serta juga penyedaran kepada mereka. Islam ialah agama yang progresif dan dinamik.

Akhir-akhir ini kita telah dengar suara sumbang orang bukan Islam yang tidak faham dengan secara mendalam akan agama Islam telah berani mengatakan agama Islam ialah agama yang negatif, yang mundur dan tidak progresif. Mereka ini sebenarnya tidak mengerti dan tidak tahu dan faham dengan secara mendalam akan agama Islam.

Agama Islam yang penuh dengan nikmat dan rahmat dan mendalam yang tidak akan habis dipelajari ilmu-

ilmunya hatta hingga hari kiamat. Agama Islam sebenarnya bukanlah seperti apa yang mereka dengar dari laporan-laporan yang diterima dari negeri Iran seolah-olah agama Islam ialah berlaku ganas, membunuh dan sebagainya. Kemungkinan laporan-laporan ini diputarbelitkan oleh agensi-agensi news negara-negara Barat dan sekiranya ada kebenaran daripada laporan-laporan tersebut, perkara-perkara yang dilakukan di negara itu tidak semestinya diresui oleh semua negara-negara Islam termasuk negara kita.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Tang Dipertua, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah melakukan kaedah Islamiah dengan secara tauladan dan contoh seperti penubuhan Bank Islam, Universiti Islam, Projek pajak Gadai yang ada dalam perhatian Kerajaan sekarang dan lain-lain yang mungkin tidak difahami oleh umat Islam dan hatta bukan umat Islam melainkan apabila telah dipraktikkan kelak kerana Islam agama yang hanya akan boleh didekati apabila kita telah kenal dan telah cinta kepadanya. Oleh itu, apa yang disarankan oleh Kerajaan ialah untuk mengenalkan kepada masyarakat bukan Islam apa-apa yang boleh dilakukan oleh Islam yang boleh memberi faedah kepada keseluruhan umat. Yang demikian boleh membuat mereka cinta kepada apa yang kita lakukan.

Sebenarnya umat bukan Islam tidak perlu takut dengan tertubuhnya Bank Islam bahkan kemungkinan dengan tertubuhnya Bank Islam mereka akan menjadi mereka yang akan melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam Bank Islam memandangkan akan kejayaan Bank Islam itu; disebabkan penyelenggaraan yang begitu efektif, penyelenggaraan yang begitu ikhlas dan amanah oleh pekerja-pekerja dan juga sistem Bank Islam yang

menekankan kepada amanah dan kejayaan.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah berniat hendak bercakap panjang melainkan saya dengan sepenuh rela, dengan sepenuh hati menyokong akan Rang Undang-undang Bank Islam ini.

4.54 ptg.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut):** Bismillah hirahman nirahim. Alhamdulillah.

Tuan Yang Dipertua, saya bangun pertama kali dan rasanya ingin mengambil peluang pada petang ini, pertama sekali untuk mengucap syukur ke hadrat Allah atas lahirnya Rang Undang-undang Akta Bank 1982 ini di Dewan yang mulia ini, buat pertama kalinya.

Yang kedua, mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan khasnya pembentang usul oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan pihak pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional kita termasuk Jawatankuasa Pengkaji yang telah ditubuhkan waktu mana asal tujuan Bank Islam ini hendak dilahirkan. Kepada semua jawatankuasa yang telah disebut dalam ucapan Yang Berhormat Mulia tadi, saya beserta seluruh rakyat di Malaysia ini yang ingin dan mencintai kelahiran Bank ini, mengambil peluang mengucapkan kesyukuran kepada Allah dan tahniah kepada Kerajaan.

Tibalah masanya perkara yang sangat ditunggu-tunggu oleh umat Islam Khasnya di Malaysia ini, dan amnya rakyat yang bersimpati dengan tujuan akan kelahiran Bank ini, kelahirannya ditunggu-tunggu sebagai menanti anak yang akan lahir; yang adalah diharapkan untuk dapat

memberi tuah dan khidmat bakti kepada masyarakat Islam dan rakyat serta negara.

Jelaslah Tuan Yang Dipertua, bahawa hasrat Kerajaan untuk menjalankan seberapa yang terupaya mengikut kemampuan dan kesedaran keseluruhan umat di negara ini akan hukum-hukum Allah, hukum-hukum mengikut sunnah yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Besar Muhammad s.a.w. Kepada Al-Quran kita berpandu, berpegang dan akan berusaha untuk memahami dan mengimplementasikan kepada dasar-dasar hidup supaya melahirkan, keadaan hidup yang berbahagia di dunia dan mengharapakan akan mendapat kebajikan di akhirat seperti yang sentiasa kita mendoakan, maksudnya Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kebaikan, keelokan, kebajikan di dunia ini, dan berilah kebajikan dan keselamatan kami di akhirat kelak, dan jauhkan kami dari azab Neraka. Mudah-mudahan dengan lahirnya Akta Bank Islam 1982 ini akan memberi penjelasan dengan secara praktikal yang lebih meluas kepada seluruh masyarakat Islam di negara kita khasnya dan akan difahami oleh semua negara-negara Islam sahabat di dunia ini amnya dan juga akan difahami oleh sahabat-sahabat kita daripada yang bukan Islam atas tujuan baik kita, tidak lain dan tidak bukan ialah untuk membawakan perkara-perkara yang melahirkan pentadbiran yang lebih kemas, cekap, beramanah mengikut lunas-lunas Islam sendiri.

Kepada cerdik-cerdik pandai kita yang dapat mengeluarkan buah fikiran untuk melahirkan perkara-perkara yang seperti ini, patutlah kita rakamkan ucapan tahniah, termasuklah dengan jelas kita nampak hari ini kelahiran Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH). Maka dengan kita tidak sedar tujuan mulia untuk menyimpan wang bagi membolehkan

tiap-tiap seorang individu Islam itu menunaikan Rukun Islam Kelima dengan menabung wang di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan daripada tabungan ini jelas kita nampak hari ini tumbuhlah di sana sini bangunan-bangunan tersergam yang membuktikan bahawa penabungan itu telah memberikan kekukuhan iktisad dan ekonomi bagi umat Islam dan negara kita amnya.

Saya penuh yakin dengan kepastian ini bahawa seluruh rakyat di negara kita bersama-sama yang sedang mengikuti kelulusan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. Kita sama mendoakan supaya bank ini segera lahir, semuga dapat masing-masing bersama-sama memberikan sokongan dan menjayakan perjalanan bank Islam yang akan berjalan itu kelak, kerana ada kita dapati dalam masyarakat kita, kita dengar zaman kita kecil-kecil lagi orang kita yang berpegang kuat dengan hukum-hukum agama tidak sanggup menyimpan wang mereka di dalam bank, bahkan Bank Simpanan Nasional itupun menjadi perkara permasalahan ataupun dipertikaikan mengenai riba. Maka jadilah wang-wang orang-orang kita di luar bandar terutama sekali golongan-golongan yang berpegang kuat dengan agama terpaksa menyimpan wang itu dalam tabungnya sendiri, dan pernah kita dengar orang-orang tua kita dahulu menyimpan dalam bantal, menyimpan dalam tabung-tabung masing-masing, masuk dalam tempayan dan sebagainya, menjadikan wang itu beku dan tidak dapat digerakkan, dan apabila cukup tampohnya dikira wang itu cukup nisbahnya zakat pula dikeluarkan sedangkan wang itu tidak diperniagakan, tidak diperluaskan dan diperbesarkan. Maka dengan adanya institusi seperti ini kelak bolehlah ditabungkan di dalam bank tersebut dan boleh diniagakan menurut lunas-lunas Islam itu sendiri, dan kita

menyeru kepada golongan para alim ulama kita, supaya sesama memberi gambaran dan sokongan atas penubuhan bank ini, supaya masyarakat Islam di negara ini mempunyai perasaan perpaduan dan perkara yang kita hajati, dan cita-cita ini dapat kita jayakan dengan segera dengan jayanya kerana ulama-ulama adalah sebagai mewarisi nabi-nabi.

Kepada para ulama, kita harapkan mereka dapat mendamaikan perkara-perkara masyarakat dan perkara-perkara perselisihan di kampung-kampung terutama masalah yang sedang kita hadapi seperti yang ada di negara kita sekarang ini. Jadi kita yakin, Tuan Yang Dipertua, perkara yang kita bincangkan di Dewan yang mulia hari ini akan diambil perhatian berat oleh cerdik pandai kita dan para alim ulama kita supaya dapat memberi pengertian yang jelas dan tidak membuat penjelasan yang boleh menyelewengkan pandangan dan pemikiran masyarakat Islam kita di negara ini.

Akta kelulusan Akta ini kelak, saya rasa molek pada masa hadapan kita jadikan oleh Jabatan Penerangan sebuah buku mengenai asal usul kelahiran yang baik penubuhan bank ini dan kefahaman yang jelas dicatatkan dalam buku tersebut bagi memberikan penerangan yang lebih luas kepada pemimpin-pemimpin kita di segenap pelusuk negeri dan daerah dan juga kepada Atase-atase Penerangan kita di Kedutaan-kedutaan besar di luar negeri bagi membolehkan mereka memahami keadaan ini kepada negara-negara sahabat kita yang Islam khasnya negara-negara yang diberikan oleh Allah iaitu aliran dengan wang petrol (petrol-dollars) yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi yang mana di simpan di negara-negara Barat. Kita berharap dengan adanya Bank berbentuk Islam ini, bank berlandaskan kepada lunas-lunas

Islam ini, aliran wang minyak yang kaya di peringkat negara-negara Timur Tengah itu dapat dialirkan kemari untuk bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha dalam negara kita dan boleh pula membuktikan sepenuhnya supaya pemberian Allah itu dapat dipergunakan bersama. Pihak yang ada wang bekerjasama dengan yang ada bahan-bahan mentah seperti negara kita. Kita mempunyai getah dan getah diproses untuk kegunaan bukan sahaja untuk negara Islam bahkan seluruh dunia bagi perkara-perkara yang memerlukan getah, begitu juga minyak kelapa sawit, kayu kayan, logam dan lain-lain lagi.

Di bawah kegiatan Sekretariat Islam yang berpusat di Jeddah yang telah ditubuhkan juga bank dinamakan Islamic Development Bank dengan satu tujuan sahaja. Jadi bank yang kita tubuhkan ini dapat bekerjasama dengan Islamic Development Bank itu dan bank-bank kewangan di negara-negara Islam yang lain.

Tuan Yang Dipertua, kita juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang dapat mendahulukan modal seperti yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sekejap tadi dan kepada Majlis-majlis Ugama Islam di negeri-negeri juga yang telah memahami keadaan ini yang telah bersetuju memasuki saham awalnya seperti peratusan yang telah dinyatakan begitu juga Tabung Haji, PERKIM dan Tabung Angkatan Tentera serta tabung-tabung yang lain. Kita mempunyai keyakinan banyak lagi badan-badan yang lain yang bersedia nanti untuk menyokong dan mengambil bahagian di dalam bank Islam yang akan kita tubuhkan di bawah tujuan-tujuan, peluang-peluang yang boleh didapati daripada kegiatan menurut lunas-lunas Islam

yang dapat dikaji mengikut kaedah yang disebutkan Wadiah, Mudharabah, Musyarakah dan Murabahah. Peluang-peluang bagi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam juga yang mempunyai harta-harta, tanah wakaf dan sebagainya yang banyak tinggal terbiar begitu mungkin dapat dijayakan, dibangunkan harta-harta wakaf tersebut dengan kemudahan bank Islam yang akan kita jayakan dan yang akan kita tubuhkan kelak. Begitu juga wang-wang baitulmal dan lain-lain mungkin dapat bersefahaman mengikut Majlis Fatwa di Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri supaya boleh wang tersebut di simpan di dalam Bank Islam yang kita akan jayakan.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengambil peluang lebih jauh kerana banyak rakan-rakan akan memberi pandangannya, jadi saya sekali lagi dengan sukacitanya dengan nama Allah menyokong dengan sepenuhnya Akta Bank Islam 1982 yang dibentangkan di hadapan kita sekarang.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.12 ptg.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang):** Tuan Yang Dipertua, Bismillahirrahmannirahim.

Sebelum daripada saya turut membahas Rang Undang-undang Bank Islam ini, saya menyampaikan dahulu terima kasih kepada pihak Tuan Yang Dipertua memberi peluang kepada pihak saya sebagai wakil daripada pihak parti Pembangkang (PAS) untuk menyatakan pendapat dan sikap kelima-lima orang Wakil Rakyat PAS dalam Dewan ini.

Saya mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia yang rasa saya inilah satu-satunya peristiwa yang

telah berlaku dalam sejarah Malaysia kita ini, seorang Menteri Kewangan yang telah mengambil langkah yang berani mengemukakan Rang Undang-undang Bank Islam dalam Dewan yang mulia pada hari ini (*Tepuk*).

Bagi parti PAS yang selama ini oleh pihak Ahli-ahli Dewan ini yang terdiri daripada penyokong-penyokong Kerajaan sehingga ke peringkat sekejap tadi pun secara halus masih lagi membuat sindiran kepada pihak parti PAS, seolah-olah Wakil Rakyat-Wakil Rakyat PAS atau pihak parti PAS ini, walaupun terdiri daripada pihak Pembangkang, tetapi tidak mempunyai perhitungannya sendiri. Kita membangkang apa yang kita patut bangkang dan kita tetap memberi sokongan apa yang patut kita rasa kita yakin bahawa itu menguntungkan kepada perjuangan Islam (*Tepuk*). Ini sikap kita, walaupun kita berada di barisan pihak Pembangkang dan hakikat ini saya minta dalam Dewan yang mulia ini pihak penyokong-penyokong Kerajaan memahami dengan sungguh-sungguh sikap PAS dalam era yang baru ini (*Tepuk*). Saya katakan tadi sikap yang berani yang dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana saya memandang dengan mengemukakan Rang Undang-undang Bank Islam ini akan mendatangkan beberapa akibat, terutama sekali kepada golongan-golongan yang bukan Islam, apa lagi pula golongan-golongan yang anti kepada Islam, sebab itu saya mengatakan ini suatu langkah yang berani. Bagi pihak Parti Islam SeMalaysia terlalu menghargai bukan sahaja Rang Undang-undang Bank Islam ini yang patut dikemukakan, malah apa sahaja yang berbentuk Islam yang seharusnya dilakukan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini, pihak Parti PAS (Parti Islam Se Malaysia) sedia memberi kerjasama dan menyokong.

Katakanlah seperti ada rancangan hendak mengemukakan masalah insuran Islam, mungkin pajak gadaai Islam ataupun bermacam-macam lagi bentuk Islam yang pihak Parti PAS suka kalau pihak Kerajaan Malaysia buat apa yang berbentuk Islam, yang ini kami sokong kerana perjuangan PAS bukan perjuangan untuk kepentingan parti, yang diperjuangkan oleh PAS ialah untuk kepentingan Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya ulangi sedikit tentang langkah-langkah berani kerana biasanya oleh sebab pihak Barisan Nasional kerana marah ataupun takut kepada pihak PAS, maka mereka telah melancarkan gerakan propaganda terutama di kalangan-kalangan yang bukan Islam, tentang Islam yang sebenar? Kerana manakala disebut Islam mereka tergambar PAS, dan Tuan Yang Dipertua, saya minta kepada pihak yang berkenaan dalam memberi penerangan tentang hal Bank Islam ini kepada rakyat kampung, kepada orang ramai jangan masukkan unsur-unsur kepartian, kalau dimasukkan unsur-unsur kepartian, maka ini akan menimbulkan tindakbalas daripada rakyat yang sudah memahami bahawa ini merupakan satu propaganda daripada pihak Barisan Nasional—satu politik propaganda pihak Barisan Nasional.

Dalam memberi penjelasan kepada rakyat tentang kepentingan ataupun tentang operasi Bank Islam ini hendaklah menerusi saluran badan-badan kebajikan, pertubuhan-pertubuhan Islam, jangan menerusi petubuhan-pertubuhan politik, kerana ini akan dicurigai oleh rakyat, sebab rakyat Islam terutama di Malaysia kalimah bank itu sendiri sudah dicampurkan dengan kalimah riba, sebut sahaja bank, riba-riba, mengikut Islamnya haram. Walaupun berbentuk Islam, ini perlu diberi penerangan yang jelas.

Yang Berhormat Mulia dalam ucapannya tadi bimbang terhadap berlakunya sabotaj tentang hal kedudukan Bank Islam yang akan dilancarkan kelak oleh pihak Kerajaan. Ini saya memberi pengakuan dalam hal ini sebagai pihak parti Pembangkang akan turut sama memberi penjelasan kepada anggota-anggota PAS dan orang-orang Islam umumnya tentang hakikat sebenar Bank Islam yang sedang kita rancang hendak menubuhkan itu. Saya mintalah sekali lagi jangan campur-adukkan dengan bungkusan politik kepartian, kerana ini merosakkan hakikat Bank Islam itu sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, suka hendak menyatakan di sini dalam masa Kerajaan PAS memerintah di Kelantan pada 1974, pernah pihak Kerajaan PAS minta Kerajaan Pusat membenarkan mereka menubuhkan sebuah Bank Islam, tetapi waktu itu kerjasama tidak begitu rapat antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Pusat, maka walaupun Kertas Kerja tentang penubuhan Bank Islam ini sudah pun disiapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan, terpaksa rancangan itu ditunda. Walau bagaimanapun, syukur alhamdulillah, di atas langkah yang telah dikemukakan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional sekarang dalam keazaman hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara dan sebagai langkah yang pertama mengemukakan Rang Undang-undang Bank Islam ini. Pihak PAS berlapang dada dengan sikap yang seperti ini dan saya turut juga menyeru negara-negara Islam di Asia Barat supaya turut mencurahkan wang, petrodollarnya sebagaimana Yang Berhormat tadi bercakap ke kawasan di sini, ke dalam Bank Islam di Malaysia ini ataupun ke dalam institusi kewangan yang ada dalam negara kita Malaysia.

Saya mendapat faham, Tuan Yang Dipertua, bahawa dengan penubuhan Bank Islam ini dengan modal permulaan sebanyak \$100 juta itu akan merupakan bank yang ketiga besarnya dalam Malaysia ini sesudah Bank Bumiputera dan Malayan Banking, tetapi insya Allah saya mengharapkan bahawa satu hari nanti Bank Islam ini bukan duduk tempat yang ketiga, tetapi moga-moga akan menjadi satu-satunya bank yang paling besar ataupun yang terbesar di dalam negara Malaysia ini, insya Allah. Sekali lagi saya meminta kepada pihak orang-orang yang bukan Islam, terutama sekali yang tidak begitu memahami tentang Islam supaya tidak menaruh sebarang curiga dalam tujuan pihak Kerajaan menubuhkan Bank Islam tidak beberapa lama lagi. Kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan saya harap sekiranya ada badan-badan Islam yang kuat dan teguh yang berkehendakan menubuhkan Bank Islamnya sendiri, maka pihak Kerajaan tidak keberatan memberi lesennya.

*5.23 ptg.*

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda):** Bismillahirrahmanirahim. Alhamdulillah. Tuan Yang Dipertua, saya sokong kuat atas cadangan Rang Undang-undang Bank Islam yang dibawa sekejap tadi oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia. Syabas dan setinggi tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah 2M, termasuklah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sanggup hendak membentangkan Rang Undang-undang untuk kebaikan seluruh rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memberi pendapat dan sokongan atas Rang Undang-undang Bank Islam yang sedang diperbincangkan pada

hari ini. Saya sebagai Wakil Rakyat yang mewakili seluruh rakyat di kawasan Ulu Muda mengalu-alukan usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk menubuhkan Bank Islam di negara kita ini. Sebenarnya, penubuhan Bank tersebut sangat tepat pada masanya dan melambangkan aspirasi masyarakat Islam di negara ini yang menyanjung tinggi ajaran-ajaran agama yang suci dalam segala bidang kehidupan, termasuk ekonomi. Islam memang tidak menegah kegiatan ekonomi yang sihat asalkan kegiatan ataupun aktiviti itu tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran yang didapati dalam Al-Quran dan Hadis, maka ianya diredhai Tuhan belaka. Sebagaimana yang kebanyakan tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum di dalam Islam sendiri telah wujud beberapa konsep penting seperti wadi'ah, mudharabah, musyarakah dan murabahah sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi dan Bank Islam ini akan menjalankan sepertimana dikehendaki oleh Islam. Konsep-konsep ini sangat menekankan tentang pentingnya pinjaman perniagaan, perkongsian dan pembahagian keuntungan di antara berbagai pihak, yang dengan kata lain, adalah sama dengan konsep ataupun perjalanan bank di Malaysia ini. Mungkin pada zaman ini konsep-konsep seperti di atas belum dipraktikkan dengan sepenuhnya dari nilai Islam sebenar tetapi dengan penubuhan Bank Islam di negara ini nanti saya percaya bahawa segala apa yang wujud di dalam Kitab Suci Al-Quran akan boleh dilaksanakan. Saya sebagai seorang Islam berasa megah atas usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi nilai ugama di dalam struktur ekonomi, khususnya dalam perniagaan Bank Islam.

Saya percaya bahawa penubuhan Bank Islam akan menguntungkan bukan sahaja penduduk-penduduk yang beragama Islam malahan akan

menguntungkan semua pihak, khususnya ahli-ahli perniagaan, sama ada Islam atau bukan Islam. Apa yang saya fahami Bank Islam tidak menghadkan perniagaan sama ada pinjaman, simpanan dan pelaburan kepada orang Islam sahaja masalah bank ini akan berniaga dengan siapa sahaja yang boleh membawa keuntungan kepada diri mereka dan juga pihak bank asalkan perniagaan ini tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Walaupun bank yang ditubuhkan ini dinamakan Bank Islam, faedahnya adalah untuk semua. Saya percaya sekiranya Yang Berhormat Dato' Samy Vellu atau Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang atau Yang Berhormat Tuan Karpal Singh ingin menggunakan perkhidmatan Bank Islam di masa yang akan datang mereka pasti akan boleh berbuat demikian.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat tak boleh menggunakan nama-nama Ahli-ahli.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Saya tarik balik, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Yang Dipertua:** Kalau sebutkan kawasan mereka itu maka dibenarkan.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang Dipertua, saya tarik balik nama-nama, maka saya terpaksa sebut wakil dari Sungai Siput, wakil dari Kota Melaka, wakil dari Jelutong ingin menggunakan perkhidmatan Bank Islam di masa yang akan datang mereka pasti akan boleh berbuat demikian. Oleh yang demikian, orang-orang bukan Islam di Malaysia ini dapatlah memberi sokongan yang sama terhadap Bank Islam kerana ia adalah untuk kepentingan semua.

Saya berharap juga bahawa dengan penubuhan Bank Islam tidak bermakna bahawa prestasi bank-bank lain di negara kita ini seperti Bank

Bumiputera, Bank Rakyat, Malayan Banking dan sebagainya akan terjejas. Perniagaan yang sedang dijalankan oleh bank-bank yang telah disebutkan tadi akan berterusan dan akan saling bantu-membantu satu sama lain untuk membangunkan ekonomi negara, malahan tiap-tiap bank mempunyai peranan-peranan tertentu di dalam masyarakat, sekiranya banyak persaingan maka ini akan hanya dalam segi perniagaan dan akan membawa keadaan yang sihat bagi orang-orang yang memerlukan perkhidmatan bank.

Tuan Yang Dipertua, saya dapat faham juga bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedang merancang hendak membangunkan rumah-rumah untuk ahli-ahlinya di seluruh negara dan saya agak peranan yang akan dimainkan oleh Bank Islam membantu Tabung Haji untuk memberi pinjaman adalah lebih sesuai dan lebih kena pada tempatnya. Janganlah bagi mereka penyimpan Tabung Haji yang hendak membeli rumah ambil duit di lain-lain tempat. Tempat yang habis baik sekali bagi mereka meminjam ialah daripada Bank Islam yang kita sedang bincangkan pada hari ini. Saya minta kalau boleh Bank Islam yang kita akan wujudkan ini biarlah setidak-tidaknya ada di tiap-tiap buah negeri di dalam Malaysia ini. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang tadi, beliau berharap Bank Islam ini pada satu hari akan menjadi bank yang terbesar di dalam negara kita dan sebab itu saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan, pengurusan bank ini apabila wujud nanti cubalah dengan seberapa segera wujudkan di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sungguh terperanjat dan terima kasih saya ucapkan kepada wakil dari Rantau Panjang kerana ini adalah kali pertamanya saya pernah dengar Wakil dari PAS, kerana kelima-lima orang

yang ada di dalam Dewan ini menyokong. Ini kita rasa syukur, Alhamdulillah kerana ini adalah kali pertama mereka menyokong rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan kita. Saya ucap syabas dan terima kasih kepada mereka. Tetapi pada pendapat saya kedudukan parti PAS pada hari ini, terutma sekali Wakil Rakyat dari Rantau Panjang sendiri yang bercakap tadi kerana dia dilatih oleh UMNO begitu lama (*Ketawa*). Kalau dia tidak keluar daripada UMNO harus dia tidak jadi Wakil Rakyat lagi. Maka apa yang dia cakap itu boleh kata UMNO lah yang bercakap kerana latihan lama di dalam UMNO.

Tuan Yang Dipertua, saya dapat faham juga bahawa Bank Islam ini telah pun merangka dan merancang untuk memilih Pengarah Urusannya yang mana saya tahu Pengarah Urusan Bank ini tidak lain dan tidak bukan adalah seorang yang berpengalaman tinggi, didikan daripada sekolah agama dan seterusnya menjadi professor di universiti dan pada hari ini menjadi Pengurus Besar Ekonomi, Bank Bumiputera. Beliau tidak lain tidak bukan ialah Dr Abdul Halim Arshad. Saya ucap syabas dan saya berdoa kepada Allah subhanahu wa taala supaya berilah segala bantuan dan pertolongan kepada Dr Abdul Halim dan dibantu pula saya dapat tahu juga oleh Pengurus Besar Tabung Haji dipilih sebagai salah seorang Pengarah Bank Islam ini. Kita percaya lain-lain pengarah juga begitu bersungguh-sungguh hendak memajukan Bank Islam ini. Pilihan itu telah pun dibuat oleh Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri kita untuk menjalankan Bank Islam yang kita sedang bincangkan sekarang ini.

Saya percaya mereka ini telah pun ada "B.C.A."—Bersih, Cekap dan Amanah. Ini adalah dikehendaki oleh agama Islam kita dan saya percaya

kalaulah mereka ini menjalankan Bank ini sepertimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan yang kita sedang bincangkan sekarang ini, insya Allah kita percaya Bank ini akan cepat maju sepertimana yang dikehendaki oleh kita. Saya percaya bahawa sokongan saya ini mendapat sambutan daripada Ahli-ahli Dewan yang hadir pada hari ini walaupun pendapat-pendapat mungkin tidak sama tetapi pada dasarnya saya yakin meyoriti daripada Ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini menyokong Rang Undang-undang penubuhan Bank Islam.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya 100 peratus menyokong di atas Rang Undang-undang Bank Islam, tahun 1982 sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia sekejap tadi.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.34 ptg.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam, 1982.

Tuan Yang Di-pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana dengan limpah rahmatnya serta dengan taufik dan hidayahnya telah mengurniakan kepada pemimpin-pemimpin negara kita untuk membawa sebuah Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Bank Islam, 1982.

Tuan Yang Dipertua, walaupun sudah sesuku abad negara kita

mencapai kemerdekaan, baru inilah kita berhasrat untuk menubuhkan Bank Islam tetapi bagi saya masa 25 tahun itu bukanlah satu masa yang panjang bagi sesebuah negara yang sedang membangun.

Tuan Yang Dipertua, kelahiran Bank Islam ini sudah pasti akan membawa satu sinar harapan ke arah menghayati Islam sebagai satu cara hidup atau dengan izin, "addin". Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan 2M amnya dan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan selaku pembawa Usul ini khasnya atas keberanian dan kemampuannya mewujudkan sebuah Rang Undang-undang Bank Islam dan akhirnya akan menjadi satu kenyataan iaitu Bank Islam akan didirikan atau dibina di dalam negara kita ini.

Saya berharap sebelum Bank Islam ini melancarkan operasinya, suatu penerangan yang meluas kepada semua peringkat rakyat atau lapisan rakyat di dalam negara ini hendaklah dibuat bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada mereka yang bukan beragama Islam supaya mereka ini akan mendapat satu kefahaman yang mendalam di atas peri mustahak dan eloknya Bank Islam ini jika dibandingkan dengan bank-bank lain yang wujud sekarang ini. Di samping itu supaya dapat mereka menangkis segala salah faham dan kekeliruan yang bakal dilahirkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ataupun irihati dengan kelahiran Bank Islam ini. Penerangan ini bolehlah digunakan segala mass-media Kerajaan sama ada televisyen, radio ataupun menggunakan Jabatan-jabatan yang khusus iaitu Jabatan Penerangan supaya dapat disampaikan kepada orang ramai sepertimana Kerajaan memberi penerangan kepada rakyat berkenaan dengan Amanah Saham Nasional. Saya rasa dengan penerangan yang luas ini akan

dapat menanamkan satu minat kepada orang-orang Islam untuk bangun bersama-sama bagi menyokong perjalanan Bank Islam bagi masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, saya yakin dan penuh percaya bahawa Bank Islam ini akan dapat berjalan dengan lancar kerana sudah pastilah kalau ianya berjalan mengikut sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan selaku pembawa Usul tadi, akan menjalankan operasinya mengikut ajaran-ajaran Islam dan sunnah Rasul, maka sudah tentulah perjalanan Bank ini akan mendapat petunjuk daripada Allah subhanahu wa taala. Di samping itu juga saya yakin kerana di dalam masa merancang Bank Islam ini, beberapa negara-negara Islam telah merestuinnya dan juga apa yang saya ketahui ramai daripada cerdik pandai Islam yang begitu berminat untuk melibatkan diri atau memberikan khidmat bakti mereka kepada perjalanan Bank Islam ini. Alhamdulillah, kita juga berasa bangga apabila kita menyebut cerdik pandai Islam di dalam negara kita ini, bahawa sejarah tidak dapat menafikan kelahiran cerdik pandai Islam ini adalah hasil daripada dasar dan perjuangan Kerajaan, kalau dahulunya Perikatan sekarang Barisan Nasional.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan pertolongan-pertolongan dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat atau Negeri, maka hari ini kita dapat melahirkan ramai cerdik-cerdik pandai Islam ini. Kelahiran cerdik pandai Islam ini ada kait mengaitnya dengan pembangunan Bank Islam ini. Kita berharap mereka yang mempunyai kemampuan dan kebolehan di dalam pengendalian urusan Bank ini akan dapat bekerja dengan penuh kejujuran dan tanggungjawab supaya sinar Islam ini

tidak akan dikaburi oleh perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan kehendak-kehendak Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya juga berharap kepada pihak Kerajaan supaya mengambil ingatan bahawa setiap mereka yang melakukan penyelewangan di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya hendaklah diambil tindakan yang tegas tanpa mengira bulu. Janganlah bersikap sudah terhantuk, barulah tengadah tetapi kita hendaklah bersikap, sediakan payung sebelum hujan, kerana penyelewangan-penyelewangan yang berlaku kelak akan menjejaskan kepercayaan pelanggan-pelanggan dan juga ahli-ahli saham kepada Bank ini dan ini akan membawa kepada satu padah yang buruk kepada kemurniaan objektif Bank Islam ini diwujudkan di dalam negara kita ini.

Saya juga berharap dengan tertubuhnya Bank Islam ini akan dapat mengikiskan fahaman-fahaman Islam yang sempit di kalangan umat-umat Islam di negara ini yang menganggap bahawa Islam itu hanya untuk beribadat sematap-mata. Juga saya berharap dengan adanya Bank Islam ini akan merupakan satu titik permulaan ke arah menerapkan sistem ekonomi ke dalam sistem ekonomi negara seluruhnya dan di samping itu akan dapat membuka peluang yang seluas-luasnya kepada umat Islam yang tidak mahu melaborkan atau menyimpan wang mereka ke dalam Bank-bank yang ada pada hari ini dengan alasan bahawa Bank-bank yang ada pada hari ini menjalankan amalan riba, kerana mengikut fahaman Islam, sesiapa yang memakan riba ini segala amalan-amalannya tidak diterima oleh Allah dan ada setengah-setengah mengatakan, (ini bukan Fatwa), mengatakan kafir. Maka dengan sebab

itulah mereka yang berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam ini sanggup menyimpan wangnya di bawah bantal seperti kata sahabat saya Yang Berhormat dari Larut tadi, walaupun mereka tahu bahawa keselamatan wang itu tidak terjamin sekiranya berlaku kebakaran atau kiranya berlaku kecurian dan sebagainya, tetapi oleh sebab kukuhnya akidah keimanan mereka terhadap ajaran Islam maka mereka tidak mahu melibatkan dengan menerima ataupun melakukan perbuatan apa yang dikatakan riba.

Inilah salah satu perbezaan yang jelas kepada kita bahawa Bank Islam ini tidak mengamalkan apa yang dikatakan riba iaitu dengan cara menukarkan riba ini dengan membahagikan ataupun dengan apa yang dikatakan keuntungan bersama. Kalau rugi sama-sama rugi, kalau untung sama-sama untung. Sistem ini diterima oleh Islam, sebab itu Islam membenarkan umatnya berniaga, berniaga itu tidak salah tetapi Islam menentang riba, kerana riba ini adalah merupakan penindasan kepada mereka yang tertentu. Dengan sebab berlakunya penindasan inilah menjadikan Islam menentang riba ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga berharap kepada pihak Kerajaan bukan sahaja membuka sebuah sahaja Bank Islam ini tetapi manakala sampai pada tahap kemampuannya patutlah ditambahkan seberapa banyak yang boleh Bank-bank Cawangan di seluruh negara dan kalau boleh di seluruh dunia supaya ianya benar-benar akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada pembangunan ekonomi bukan sahaja masyarakat di negara kita ini tetapi juga masyarakat dunia, kerana apa yang kita ketahui pada hari ini walaupun kita menerima Bank-bank yang ada pada hari ini banyak sekali dapat membuat sumbangan ke arah pembangunan ekonomi dunia tetapi

dengan sistem-sistem Bank ini juga yang kita dengar hari ini menyebabkan berlakunya inflasi di sana-sini.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Mulia Tengku di dalam ucapan membentang Belanjawan Negara dahulu, salah satu yang menyebabkan inflasi ialah kerana kenaikan kadar peratus pinjaman daripada Bank-bank yang ada di negara-negara maju. Jadi bermakna sistem ekonomi yang diamalkan oleh Bank-bank yang ada pada hari ini tidak membuktikan bagi menjamin pembangunan ekonomi sejagat. Oleh sebab itu saya penuh berkeyakinan walaupun barangkali zaman saya ini ataupun zaman kita ini, kita tidak dapat melihat di atas kebenaran Bank ini akan dapat membangunkan ekonomi negara dan dunia, tetapi kita harap permulaan yang kita mulakan pada hari ini akan dapat dinikmati oleh keturunan dan jenerasi manusia di masa akan datang. Maka dengan sebab itu saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Bank Islam 1982.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Tumpat.

*5.47 ptg.*

**Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad (Tumpat):** Bismillahirrahmanirrahim. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk bersama dengan sahabat-sahabat saya termasuk daripada Pembangkang untuk memberi sokongan di atas Rang Undang-undang Bank Islam yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional, terutamanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dari Ulu Kelantan yang telah berjaya

membentangkan kepada kita pada hari ini Rang Undang-undang Bank Islam dan saya juga bersyukur ke hadirat Allah subhanahu wataala, kerana pada hari yang mulia dan barakah ini negara kita sudah berjaya sampai kepada satu era yang rasanya sebagaimana yang disebut oleh Ahli dari Rantau Panjang tadi adalah satu era yang mencabar dan sudah tentu kita mempunyai sesuatu dalam menghadapi ke arah menentukan segala kejayaan hasrat dan cita-cita kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, kelahiran dan kesedaran sehingga dapat melahirkan Bank Islam yang kita bentangkan pada petang ini adalah merupakan suatu kesedaran ataupun satu keinsafan dan ini bukan sekali-kali merupakan satu desakan lebih-lebih lagi desakan daripada golongan-golongan yang mencari kepentingan daripada pergolakan politik tanahair.

Apa yang kita buat ini adalah semata-mata untuk mencapai keredaan Allah s.w.t.

Tuan Yang Dipertua, walaupun pada peringkat awal ini bilangan Bank Islam yang akan kita tubuhkan itu hanya satu tetapi, Tuan Yang Dipertua, bagi saya angka terutamanya di peringkat ini adalah tidak penting kerana angka itu lebih-lebih lagi bukan bermula daripada dua atau tiga tetapi angka adalah bermula daripada satu. Yang penting bagi kita dalam menghadapi suasana ini ialah sistem itu sendiri atau nizam di mana satu sistem nizam atau satu sistem kewangan negara yang berasaskan kepada lunas-lunas Islam sudah lahir dan sudah bermula wujud dan inilah yang patut dijadikan pengkalan atau tempat bertolak kesyukuran kita kehadiran Allah s.w.t.

Tuan Yang Dipertua, hari ini lahir Bank Islam dan yang penting bagi kita sebagaimana yang saya sebutkan tadi

ialah kelahiran bank ini dan terserahlah bagi kita terserahlah bagi Kerajaan dan terserahlah bagi umat Islam untuk membesar dan mendewasakannya menurut lunas-lunas yang dikehendaki. Kita khuatir hari lahirnya baik, waktu mengandungnya juga baik, dikandung dengan begitu penjagaan yang rapi, tetapi apabila besar dan dewasa silap dibudayakan, silap dimasyarakatkan ataupun silap didikan maka dia akan pergi kepada arus yang tidak diinginkan sebagaimana yang kita kandung sebelum itu.

Tuan Yang Dipertua, menurut Islam apabila seseorang anak dilahirkan, apabila seseorang bayi lahir di dunia maka dia perlu diberitahu, dia perlulah diiklankan dan kalau boleh dia perlu dikendurikan dan diakikahkan bagi pengetahuan umum kerana ditakuti dan diikhtiar kelahiran itu secara tidak direstui.

Tuan Yang Dipertua, bagi tujuan ini dan dalam hubungan dengan Bank Islam ini kita hendaklah mengiklankan kepada orang ramai, mengiklankan kepada seluruh umat Islam dan seluruh yang bukan Islam bahawa Bank Islam ialah satu bank atau organisasi kewangan untuk semua termasuk yang Islam dan yang bukan Islam. Bank Islam bagi faedah kesemua, bagi faedah masyarakat majmuk, bagi masyarakat setiap orang tanpa mengira sama ada ianya beragama Islam atau tidak beragama Islam. Dan iklan ini penting. Kalaulah bagi Amanah Saham Nasional kita gunakan TV, kita gunakan Radio, kita buat berbagai pamphlets dan majalah, maka Bank Islam ini juga patut diadvertisekan dan diiklankan supaya ia mendapat sokongan dan mendapat penerimaan daripada masyarakat umum. Kita patut memberitahu kepada orang ramai, kita dapat memberitahu kepada masyarakat bahawa orang yang bukan Islam juga

boleh berniaga dengan bank ini dan boleh mendapat untung daripada bank ini dan pada hemat saya apabila dapat diperkenalkan dengan sebaiknya kepada masyarakat kita maka akan menarik semua pihak bersama-sama kita dalam penyertaan Bank Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam hubungan ini kita tidak mahu ada orang-orang lebih-lebih lagi daripada umat Islam sendiri yang cuba hendak "sabotage" ataupun yang cuba hendak mengelirukan orang ramai dengan penubuhan bank ini ataupun dengan sekurang-kurangnya cuba memperkecilkan rancangan yang besar ini. Saya takut di dalam Dewan ini wakil daripada PAS memberi ucapan terima kasih, memberi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan tetapi apabila keluar nanti, terutama apabila balik ke Kelantan, lebih-lebih lagi apabila balik ke Terengganu dalam masa dua hari ini maka tidak demikian berlaku. Saya khuatir akan jadi lain daripada apa yang disebutkan dalam Dewan ini. Saya timbulkan perkara ini bukanlah kerana saya tidak bersimpati kepada wakil daripada PAS tetapi kita sudah banyak berpengalaman dengan PAS ini. Misalnya sebelum ini dulu dalam Dewan yang mulia ini mereka pernah menafikan bahawa mereka tidak pernah kafir-mengkafir sesama kita, tidak pernah menuduh orang UMNO kafir tetapi penafian itu hanya dibuat di dalam Dewan ini sahaja tetapi apabila balik ke Kelantan sampai sahaja ke Pengkalan Chepa, perkara macam ini tidak timbul lagi. Belum lagi balik ke rumah; belum balik ke kampung sampai ke Pengkalan Chepa sahaja sudah tarik balik hukum-hukum yang dikeluarkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam hubungan Bank Islam ini saya percaya terutamanya wakil daripada Rantau Panjang itu jujur dan itulah harapan

kita dan kita berharap beliau bermula daripada hari ini dan seterusnya akan jujur dalam menghadapi permasalahan-permasalahan terutamanya permasalahan umat Islam di negara kita ini. Kita berharap bukti kejujuran itu dapat dilakukan. Kita minta supaya wakil-wakil daripada PAS sekurang-kurangnya mereka dapat memanggil dan mengajak ahli-ahlinya supaya bersama-sama sokong bank ini. Kita minta supaya mereka juga pergi kampung, kita minta juga daripada mereka supaya waktu berada di surau-sarau memberitahu orang ramai, memberitahu kepada masyarakat bahawa Bank Islam ini adalah merupakan satu projek yang penting bagi pembangunan umat Islam dan negara kita hari ini. Kita tidak mahu sebagaimana yang berlaku sebelum ini misalnya Amanah Saham Nasional itu diberitahu kepada orang ramai sebagai "Amanah Saham ke Neraka". Dan perkara ini belum lagi dapat kita sapu dari kepala-kepala orang kampung, daripada pemikiran-pemikiran orang kampung tentang Amanah Saham Nasional itu diistilahkan sebagai "Amanah Saham ke Neraka" dan perkara ini boleh diselesaikan sekiranya pihak PAS sendiri dan wakil-wakil rakyat terutamanya dapat menolong kita bahawa Amanah Saham Nasional juga salah satu daripada projek-projek pembangunan ekonomi bagi kepentingan dan negara ini.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana bank ini adalah Bank Islam dan bank ini adalah merupakan bank yang baharu lahir maka saya cadangkan bahawa bank ini bukanlah semata-mata untuk membuat untung sebanyak-banyaknya tetapi di samping membuat untung hendaklah mengambil kira tentang tugas-tugas kebajikan dalam mengendalikan harta-harta yang dikendalikan oleh bank yang berkenaan. Saya timbulkan perkara ini kerana hari ini banyak

harta umat Islam yang beku dan terbiar begitu sahaja. Hari ini kita wujud harta-harta umat Islam terutamanya harta wakaf, harta baitulmal yang terbiar dan tidak dikembangkan dan harta-harta ini ada di mana-mana, ada di setiap negeri walaupun implikasinya dengan pentadbiran Kerajaan Negeri tetapi perkara-perkara yang seumpama ini pada hemat saya boleh diselesaikan dengan mudah setelah diadakan penyelarasan ataupun perundingan, kerjasama ataupun mesyuarah secara syura dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri.

Di samping itu, Tuan Yang Dipertua, kita alhamdulillah bersyukur ke hadhrat Allah, s.w.t. kerana di negeri kita ini ramai terdiri daripada orang-orang yang sudah mewah dan kaya hasil daripada kemerdekaan yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin kita. Dengan itu wujudlah ramai orang-orang kaya dan mereka ini mempunyai budi yang baik, mempunyai perasaan yang mulia dan mereka ingin mengeluarkan sedekah jariah kepada institusi-institusi ataupun badan-badan yang tertentu dan nampaknya kalaulah zakat mempunyai institusi-institusinya tetapi sedekah jariah ini belum mempunyai institusi-institusinya. Jadi, dalam hubungan ini kalaulah Bank Islam ini mempunyai satu bahagian walaupun bahagian itu kecil, kita namakan Bahagian Kebajikan untuk mengendalikan harta-harta umat Islam ini bagi kepentingan kebajikan. Ini rasanya paling mustahak lebih-lebih lagi dalam menyelesaikan masalah Ar-Rahn, masalah penggadaian. Dan di bawah Bahagian Kebajikan ini diadakan satu unit, Unit Pajak Gadai secara Islam. Kerana pajak gadai cara Islam ini adalah penting kerana ia telah melibatkan semua golongan yang bawahan dan sederhana. Kalau pihak Bank Islam ini mempunyai bahagiannya ataupun mempunyai

cawangannya iaitu Bahagian Kebajikan dan di bawah Kebajikan itu pula mempunyai Unit Ar-Rahn di samping unit-unit yang lain misalnya Unit Sedekah Jariah, Unit Harta Wakaf dan Unit Baitulmal maka banyak manfaat dan banyak berakahnya dan dengan ini menambahkan kepercayaan orang ramai terutamanya di kalangan umat Islam terhadap bank yang kita akan tubuhkan ini.

Maka dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya dengan amat gembira dan sukacita sekali memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Bank Islam yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Jerai.

*6.04 ptg.*

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang Dipertua, saya bersyukur ke hadhrat Allah s.w.t. di atas segala limpah hidayah dan petunjuknya telah mendorongkan setelah lama kita sebut-sebut dan setelah lama menjadi harapan maka pada hari ini wujudlah sebuah Akta bagi dapat menubuhkan sebuah Bank Islam di negara kita ini.

Saya paling gembira sekali pada hari ini kerana sebagai seorang Islam dan sebagai seorang yang menerima amanah sama ada amanah dalam Islam ataupun amanah sebagai seorang Wakil Rakyat kerana dapat bersama-sama membahas dan menyokong kepada Rang Undang-undang penubuhan Bank Islam. Islam sebenarnya bukanlah merupakan sebagai ugama ibadah sahaja tetapi ianya adalah merupakan ugama yang mempunyai panduan di dalam seluruh kehidupan ke arah kesejahteraan di dunia dan juga kesejahteraan di akhirat. Sungguhpun sesuatu yang senang untuk kita perkatakan tentang nama Bank Islam ini tetapi saya

percaya tidaklah semudah diperkatakan di dalam pelaksanaannya. Bagaimanapun, bahawa lahirnya Bank Islam ini kelak adalah sebenarnya daripada hasrat dan cita-cita pemimpin-pemimpin dan Kerajaan sendiri terhadap untuk menerapkan sebenar-benarnya nilai-nilai Islam di dalam kemasyarakatan dan pemerintahan serta pentadbiran di negara kita.

Pelaksanaan rancangan dan strategi bagi penubuhan Bank Islam ini kelak haruslah mendapat perhatian yang sesungguhnya semoga segala harapan di dalam penubuhannya kelak akan dapat benar-benar mencerminkan tentang nilai-nilai Islam yang sebenarnya yang bukan sahaja seperti yang saya katakan tadi merupakan agama Islam sebagai agama ibadah semata-mata tetapi ianya merupakan sebagai satu lambang kemajuan tamaddun Islam yang menjadi contoh sebenarnya terhadap kesucian Islam dan peranan Islam yang meliputi seluruh kehidupan masyarakat bukan sahaja bagi umat-umat Islam tetapi seluruh umat di dunia.

Dalam pelaksanaan Bank Islam yang akan ditubuhkan ini adalah diharap semoga satu perancangan yang teliti dapat dibuat terutama sekali di dalam mendapatkan tenaga-tenaga mahir di dalam operasinya kerana ini saya rasa merupakan sebagai satu nadi kepada pencapaian dan kesempurnaan pelaksanaan Bank Islam ini. Pengalaman yang kita dapati di negara kita ini banyak agensi-agensi dan institusi-institusi yang telah ditubuhkan hanya mengharapkan kepada pengaliran kemahiran dari luar untuk urusan-urusan pentadbiran dan pengurusannya dan kadangkala harapan untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran ini adalah terbatas dan kadangkala terdapatnya kalangan-kalangan yang kita belum memahami apakah ianya benar-benar untuk melaksanakan cita-cita kita

ataupun semata-mata untuk mengambil peranan daripada peluang yang ada bagi sesuatu tujuan yang tidak menguntungkan. Kalaulah ini berlaku kemudian sesuatu yang tidak baik boleh berlaku kalau kita tidak dapat benar-benar menentukan pengaliran kemahiran yang benar-benar daripada orang yang kita latih, yang kita asuh dan mempunyai kewibawaan dan dedikasi yang penuh kepada matlamat dan tujuan yang sebenar.

Fungsi kegiatan-kegiatan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi adalah jelas bahawa Bank Islam yang hendak ditubuhkan ini adalah sejajar dengan kehendak pembangunan semasa dan adalah amat dialu-alukan. Dan dengan ini juga tidak siapa dapat menafikan bahawa aturan-aturan dan peraturan urusan Bank Islam adalah lebih wajar diperkenal dan diperlaksanakan. Sama ada ianya mempunyai nilai-nilai Islam ataupun dalam bentuk yang lain tetapi jelas ianya adalah membawa satu kebajikan dan manfaat dan inilah sebenarnya merupakan intisari dalam kehendak-kehendak Islam. Islam membawa kejayaan dan Islam membawa kebajikan kepada umat untuk membangun dan dengan itu agar Islam mencapai nilai-nilai kesedaran dan keinsafan keimanan terhadap kepercayaan beragama dan dengan itu juga akan membawa satu kesejahteraan terhadap negara pada keseluruhannya.

Kelemahan umat-umat Islam selama ini ialah kerana terbatas atau kurangnya penglibatan di dalam penyatuan ataupun pengumpulan harta bagi dimajukan. Dengan penubuhan bank ini adalah diharapkan ianya agar menjadi suatu asas utama penyertaan masyarakat Islam di negeri ini khasnya dengan lebih luas dan menyeluruh terhadap perkembangan penyertaan dan pembangunan ekonomi rakyat dan

negara. Jadi, dengan ini jelaslah kepada kita bahawa dengan pembentangan untuk kelulusan Rang Undang-undang penubuhan Bank Islam dan dengan wujudnya penubuhan Bank Islam ini kelak ianya dapat mencerminkan apa yang saya katakan tadi yang pertamanya bahawa Islam bukan agama ibadah tetapi sebenarnya agama untuk memandu ke arah kepada kesejahteraan manusia bagi sesebuah negara dan yang keduanya akan dapat membangunkan umat terutama sekali umat Islam agar sejajar dengan pembangunan negara yang ada pada masa ini.

Pembangunan di dalam sebuah negara adalah bertujuan untuk dapat mengubah keadaan yang ada kepada keadaan yang lebih baik dan tujuannya pula ialah untuk mensejajarkan ataupun mengagihkan kemajuan-kemajuan dan perkembangan-perkembangan yang ada dengan bentuk yang lebih adil kepada penikmatan atau seluruh rakyat jelata yang ada. Dengan ini berertilah bahawa harapan kita daripada kemajuan yang akan dilibati akan membawa sesuatu pembahagian keadilan di dalam pencapaian matlamat ekonomi di dalam pembangunan negara yang sedang pesat ini. Dan adalah seharusnya menjadi perhatian bagi mana-mana pihak juga yang kerap kali membangkitkan masalah-masalah kononnya bahawa merekalah yang pernah selama ini membangkitkan soal nilai-nilai Islam tetapi terdapat kononnya kalangan-kalangan lain terutama sekali bagi pihak kita Kerajaan Barisan Nasional yang memburuk-burukkan imej agama itu sendiri.

Suka saya menegaskan di sini soalnya tentang nilai-nilai agama dan tentang soal nama Islam tidaklah buruk tetapi fiil dan perangai orang-orang yang melibatkan soal-soal nilai dan soal-soal Islam untuk dijadikan

asas kuda tunggangan itulah merupakan mereka yang cuba mencemarkan pengertian terhadap nilai-nilai Islam itu sendiri. Dengan itu, saya rasa sudah sampailah masanya sekarang ini untuk kita semua menyedari hakikat yang sebenarnya dan tidak perlu lagi untuk tuduh-menuduh sedangkan kita ini mempunyai peranan dan tugas tersendiri di dalam melaksanakan amanah sama ada amanah kepada diri kita sendiri, amanah terhadap Tuhan dan agama dan amanah terhadap masyarakat, bangsa dan negara. Kalau inilah yang kita memberikan penilaiannya saya yakin dan percaya bahawa kita sendiri berada di tahap yang sama dan mempunyai suatu pengaliran dan pemikiran dan akan dapat berganding bahu bagi menyempurnakan segala cita-cita yang kita harapkan ini tetapi kalaulah sekadar untuk menggunakan apa yang dikatakan nilai-nilai Islam itu dengan mencerminkan kehendak dan kejayaan bagi kepentingan, maka itu adalah sesuatu yang akan membawa pencemaran terhadap nilai-nilai Islam itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya izinkan saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pihak Kerajaan dan kepada Jawatankuasa Kerja Pemandu ke arah penubuhan Bank Islam yang telah banyak mengorbankan masa dan bukan fikiran mereka sehingga ke peringkat Kejayaan penubuhan Bank Islam seperti yang kita hasratkan ini semoga segala usaha-usaha yang baik ini akan terus mendapat hidayah Allah bagi mencapai kejayaan seterusnya. Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Bank Islam 1982 ini untuk diluluskan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Baling.

*6.15 ptg.*

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Yang Dipertua, Bismillahhirrahmanirrahim. Syukur, Alhamdulillah pada petang yang berbahagia di Dewan yang mulia hari ini saya rasa bangga kita dapat bersama menyertai perbahasan ini iaitu Rang Undang-undang Bank Islam yang sangat-sangat dicintai dan dihormati yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan demi untuk sasama meninggi dan meningkatkan lagi perkembangan Islam khususnya ekonomi umat Islam yang sentiasa diseru dan dikehendaki oleh agama Islam untuk tiap-tiap umat Islam mengusahakannya.

Penubuhan Bank Islam ini adalah sesuai dan kena pada tempatnya di negara kita ini yang mana agama Islam sebagai agama rasmi negara dan menjamin serta melindungi agama-agama lain di negara ini. Pada pandangan saya bank ini akan mendapat sokongan dari seluruh rakyat di negara ini khususnya umat Islam dan tidak ada satu sebab pihak-pihak lain daripada umat Islam akan rasa curiga dan kurang senang.

Tuan Yang Dipertua, bank seumpama ini ditubuh adalah sebagai bank yang pertama di negara kita juga di seluruh negara Islam yang mana telah ada beberapa bank yang telah berjalan dan berkembang maju di negara ini sebagai bank yang pertama yang akan membawa dan membuka jalan ke bidang institusi kewangan yang lebih besar dan berpotensi di masa akan datang yang mana berkehendak kepada pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan yang lebih cekap, bersih dan amanah di samping mereka berkhidmat sebagai seorang Islam agar mendapat ganjaran dari Allah s.w.t. selain daripada gaji atau ganjaran yang diterima dari bank itu.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya mereka yang mendorong dan mencetuskan dasar dan garis bank ini sehingga usaha tersebut dibawa dalam Dewan, dibahas dan akan mendapat kelulusan Tuan Yang Dipertua. Saya percaya dengan penubuhan bank di negara ini penumpuan umat Islam di seluruh negara akan bertambah erat khususnya kebulatan umat Islam di negara ini, di segi meninggikan ekonomi umat Islam yang menjadi hak bagi tiap-tiap satria umat Islam mengusaha dan mengendalinya. Saya percaya usaha sebelum ini telah melalui berbagai-bagai rundingan dan dengan oleh penganjur-penganjur khususnya 2M dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta pakar-pakar ekonomi kita yang beragama Islam.

Kepada seluruh rakyat dan negara hendaklah menerima dan menggunakan bank ini dengan sepenuh perasaan bangga dan suci hati. Perjalanan bank ini adalah memerlukan perhatian dan dilulus dari segi undang-undang Islam yang maha suci dengan empat cara yang telah ditentukan itu iaitu cara Wadiah, Mudarabah, Musyarakah dan Murabahah dan saya harap kepada semua umat Islam sama ada individu yang berpakat atau bersyarikat akan menggunakan bank ini dengan sepenuhnya. Islam yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad adalah untuk menjadi rahmat ke seluruh alam.

Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya bagi mempesatkan lagi penjelasan ini saya berharap supaya unit-unit penerangan di seluruh negara dan juga di luar negeri menerusi kedutaan dan persuruhjaya kita di luar negeri khususnya di Asia Barat dan juga Timur Tengah mengadakan penerangan dan mengadakan unit khas semoga memberi penjelasan

khususnya kepada rakyat di negara kita selain daripada penerangan dibuat oleh Jabatan Penerangan, TV dan Filem Negara kita menerusi khutbah dan risalah tertentu hendaklah diadakan di seluruh masjid bagi memperingatkan umat Islam kalau boleh tiap-tiap seseorang akan dapat menyertai bank ini sebagai Islam dan mengambil mana-mana bahagian di antara empat cara yang telah ditentukan oleh bank itu. Agama Islam mempunyai hukum yang luas, yang tertentu dan tersendiri yang membolehkan berniaga, jual beli, pinjaman meminjam dan lain-lain dengan syarat-syarat tertentu yang dihaluskan oleh agama Islam.

Buat mengakhiri, Tuan Yang Dipertua, saya berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan dengan pelaksanaan kita hari ini dan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, kita berharap dan berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan Tuhan memberikan lebih lagi taufiq dan hidayah kepada mereka yang telah mencetuskan dasar-dasar Bank ini dan kepada mereka yang akan melaksanakan bank ini dengan penuh dedikasi oleh kerana mengadakan sesuatu itu tidaklah begitu susah tetapi mengendalikan sesuatu untuk kejayaan demi untuk kebaikan dunia dan akhirat itu adalah lebih berkesan tetapi walau bagaimanapun, kalau lebih susah, lebih lagi mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t.

Sekianlah sahaja saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.21 ptg.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama

membincangkan Rang Undang-undang Bank Islam. Sebelum saya menyatakan sesuatu tentang Bank Islam ini, lebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan terutama sekali Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah sungguh-sungguh berusaha bagi mewujudkan sebuah Bank Islam dalam negara ini. Sebenarnya bank ini adalah juga cita-cita bersama umat Islam termasuklah Parti PAS sendiri yang memang bercita-cita untuk menubuhkan Bank Islam tetapi kerana ketidak-mampuan yang ada pada PAS maka perkara itu tidak wujud ketika PAS memerintah Kelantan tetapi alhamdulillah hari ini cita-cita PAS itu telah diwujudkan oleh Kerajaan hari ini.

Pada saya bukan menjadi satu perkara penting siapa yang mewujudkannya atau siapa yang melaksanakannya tetapi yang penting ialah cita-cita itu telah terlaksana. Alhamdulillah, dan saya harap Bank Islam yang akan ditubuhkan nanti akan terus hidup subur menjadi sebuah bank yang besar dalam negara ini. Tetapi seperti yang dikatakan oleh sahabat saya tadi; suatu pengakuan yang telah diberikan oleh kami ahli-ahli dari pihak PAS, tetapi keraguan-keraguan masih lagi terdengar dalam Dewan ini takut-takut Pas akan mensabotajkan rancangan penubuhan Bank Islam ini sehingga ada yang menyatakan dengan membuat contoh kepada masalah kafir mengkafir dalam Dewan ini menafikannya tetapi bila sampai ke Pengkalan Chepa, hal itu berlaku. Serupa juga dengan kegagalan sedikit sebanyak Sekim ASN, pun PAS yang disalahkan, tidak pernah pun pihak-pihak yang tertentu dari Kerajaan cuba mengkaji masalah-masalah dan mengapa keadaan itu timbul.

Saya mengemukakan dalam Dewan ini beberapa perkara yang menyebabkan berlakunya sedikit

sebanyak adanya ketidak-senangan hati pihak PAS dalam semua projek-projek yang walaupun pada anggapannya baik tetapi oleh sebab perkara itu dicampur-adukkan dengan politik, maka jadilah perkara itu sebagai perkara politik. Umpamanya kalau saya katakan dalam Dewan ini, Menteri-menteri yang menjawab bahawa tidak ada diskriminasi dibuat di antara orang PAS dengan orang Kerajaan, tetapi di kampung pagi tadi, saya menerima panggilan telefon mengatakan sekarang ini pembahagian baja telah berlaku di kampung tetapi orang PAS tidak dapat baja.

Demikian juga ASN. Dalam penerangan umum ASN kepada rakyat seluruhnya, tidak pun pihak Kerajaan melibatkan orang-orang PAS sama untuk menerangkan masalah ASN ini. Jadi kalau berlaku apa-apa yang tidak disenangi maka saya katakan kesalahan itu adalah kesalahan Kerajaan sendiri yang tidak pun mengambil berat tentang soal parti Pembangkang yang sedikit sebanyak mempunyai peranan dan pengaruh kepada rakyat di kampung-kampung. Sehingga hari ini, kami daripada pihak Pembangkang tidak pernah pun dimasukkan dalam senarai Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Daerah. Segala perkara yang berlaku di kampung-kampung kami dipersalahkan, sedangkan kami tidak menjadi anggota kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Daerah. Jadi kami tidak dapat sama turut membincang dan menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku kepada rakyat seluruhnya sedangkan perkara-perkara atau projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan adalah untuk rakyat seluruhnya bukan untuk orang UMNO sahaja. Sedangkan wakil-wakil Rakyat, ketua-ketua mereka selalu diketepikan. Jadi bagaimanakah anak buah mereka hendak menghormati

projek-projek Kerajaan kalau ketua-ketua mereka tidak dihormati.

Jadi saya berharap kepada Kerajaan dalam melaksanakan Bank Islam ini tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati kami, umpamanya apabila saya membaca sedikit sebanyak mengenai Rancangan Undang-undang ini terdapat beberapa orang ahli jemaah yang akan dilantik umpamanya, janganlah kerana memandangkan soal bulu maka walaupun orang itu berkewibawaan untuk menduduki sesuatu jemaah maka kami diketepikan atau orang-orang kami diketepikan. Kalau kami sama dilibatkan dalam soal-soal yang begini, dalam soal yang kami rasa ini adalah satu perkara kepentingan bersama, satu perkara yang baik maka kami harap kami dapat sama turut menyumbangkan khidmat bukan sahaja hanya melaung-laungkan memberikan penerangan, kemudian apabila sampai kepada pelaksanaannya, kami diketepikan.

Bank Islam yang akan ditubuhkan ini, saya harap ia merupakan satu asas kepada perjalanan sistem kewangan negara bagi masa-masa yang akan datang, asas supaya pada masa-masa yang akan datang bank-bank dalam negara ini atau sistem kewangan dalam negara ini biarlah merupakan satu sistem kewangan yang berlandaskan kepada Islam. Janganlah Bank Islam ini, yang akan ditubuhkan ini nanti hanya semata-mata sebagai satu institusi kewangan yang berasingan dengan lain-lain instiusi kewangan, biarlah ini merupakan batu asas dan batu asas ini harus dikembangkan dan diperbesar. Satu masa nanti kita harap jenerasi yang akan datang akan menikmati suatu sistem Bank Islam keseluruhannya dalam negara ini.

Satu perkara yang meragukan saya juga bila saya mendengar daripada ucapan Menteri Kewangan tadi di

mana pengawasan Bank Islam ini di bawah kawalan Bank Negara. Saya sendiri merasakan suatu keraguan, apakah sebuah bank yang tidak berlandaskan Islam boleh mengawasi sebuah bank Islam dengan pegawai-pegawainya yang bermacam-macam, boleh melaksanakan sesuatu yang boleh menguntungkan, yang boleh menjadikan Bank Islam ini berjalan dengan lancar. Hal ini saya tidak hendak menyebutkan secara panjang, cukup untuk setakat itu menyatakan rasa keraguan. Seharusnya Bank Negara sendiri selepas ini sedikit demi sedikit harus diserapkan nilai-nilai Islam ke dalamnya.

Dan akhirnya saya ingin menyebutkan juga satu hal, semenjak Rang Undang-undang Bank Islam ini dibahaskan beberapa jam tadi, saya tidak mendengar pun ucapan daripada ahli-ahli Kerajaan yang bukan Islam, seolah-olah Bank Islam ini mereka memandang sepi sahaja, tidak ada sokongan, tidak ada suara menyatakan apa-apa pandangan. Jadi saya pun merasa ragu, apakah bank ini, Kerajaan menubuhkan Bank Islam ini hanya keseorangan tanpa sokongan lain-lain komponen. . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta jalan.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Terima kasih. (*Dengan izin*) The Member for Pasir Mas says that there is no non-Muslim to stand up and speak on the issue, to debate the issue. I want to clarify the point here that sitting here listening to Members of PAS and UMNO, I learnt quite a lot about the Islamic religion which I did not know before and just so that

anybody else will get the impression that the non-Muslim M. P. s are not concerned with the issue—Yes, we are concerned with the issue. I would like to clarify that here. In fact. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Jika Yang Berhormat hendak memberi ucapan, saya akan beri peluang sekejap bagi, selepas daripada ucapan Yang Berhormat dari Pasir Mas. Yang Berhormat hanya boleh memberi penerangan sekarang.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Penjelasan sedikit sahaja. Since we know so little about the Islamic theology, the Islamic principles according to which the Bank is to be established, there is really very little that we can discuss and I do not want to make any mistake so that I can be labelled as an infidel later on. Terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Pasir Mas ialah orang-orang yang bukan Islam dalam Kerajaan.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, terima kasih. Sebenarnya apa yang saya katakan seperti dikatakan juga oleh Tuan Yang Dipertua tadi, saya menyatakan kepada orang-orang bukan Islam di pihak Kerajaan yang tidak menampakkan sokongan kepada Rang Undang-undang Bank Islam ini. Saya tidak hendak berucap panjang lagi, hanya itu sahajalah Tuan Yang Dipertua, saya mengharapkanlah lagi sekali Bank Islam ini akan merupakan sebuah bank yang boleh memberikan khidmat yang sebaik-baik kepada seluruh rakyat negara ini khususnya kepada umat Islam dan saya lagi sekali menyokong penubuhan Bank Islam ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Bagan Datok.

6.34 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Yang Dipertua, Bismillahir-rahmanir-rahim.

Saya juga mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinnya dapat bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam yang kita bahaskan sekarang ini.

Sebagai mukadimah ataupun mendahulukan ucapan, kalau tadi semua wakil-wakil dalam Dewan ini berasa gembira dan menyokong tetapi bagi diri saya berasa dukacita di atas penubuhan Rang Undang-undang Bank Islam diwujudkan pada hari ini bukanlah saya membangkang diwujudkan Rang Undang-undang Bank Islam ini, tetapi dukacita sudah agak terlambat, sepatutnya lama dahulu, 10 tahun misalnya diwujudkan Bank Islam ini kerana pada hari ini kalau kita lihat bangunan-bangunan bank yang wujud di dalam negara ini sudah boleh dikatakan mencakar langit. Bank yang agak boleh kita banggakan bagi kita bumiputera kaum beragama Islam hanyalah disebut tadi seperti Bank Bumiputera, Bank Pertanian, Bank Rakyat, itu sahaja, tetapi sebagai seorang yang beragama Islam tidaklah sepatutnya berputus asa, maka sebagai seorang penyokong Kerajaan yang beragama Islam saya tidak berputus asa dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas khususnya kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh selaku Menteri Kewangan. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Jangan sebut nama.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Maaf, saya tarik balik, Tuan Yang Dipertua. Saya mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Yag Berhormat Menteri Kewangan juga pemimpin 2M dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus bagi mewujudkan Bank Islam ini termasuklah yang saya tahu mengambil peranan yang agak berat juga iaitu Timbalan Menteri Wakil dari Permatang Pauh dan lain-lainnya yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang beragama Islam yang memerah otak mereka bagi mewujudkan Bank Islam yang sememangnya sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan daripada wakil-wakil Barisan Nasional tadi memang sudah lama rakyat menunggu-nunggu akan kewujudan Bank Islam ini. Tadipun kita telah mendengar wakil-wakil daripada pihak Pembangkang iaitu wakil daripada Rantau Panjang dan wakil dari Pasir Mas disebut-sebut bahawa mereka juga ada mengusahakan untuk mewujudkan Bank Islam ini semasa mereka memerintah kerajaan Negeri Kelantan tetapi mungkinlah sama ada niatnya kerana saya tidak begitu faham barangkali pada masa itu tidak direstui, tidak diredai oleh Allah s.w.t., tetapi dengan niat Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Kerajaan pimpinan 2M pada hari ini Kerajaan telah membuka jalan, membukakan rahmat, maka pada hari ini apabila kita luluskan Rang Undang-undang Bank Islam ini, maka wujudlah satu bank yang sangat diidami dan dihajati oleh seluruh rakyat di dalam negara kita ini, khususnya yang beragama Islam.

Setelah mengkaji dengan teliti Rang Undang-undang Bank Islam yang dibentangkan ini kita dapati bahawa Rang Undang-undang Bank Islam ini merupakan satu rang undang-undang yang sangat baik oleh kerana Bank Islam ini bukan sahaja kita membukakan operasi ataupun perjalanan perniagaannya kepada

khusus untuk orang-orang yang beragama Islam, tetapi juga kepada mereka yang tidak beragama Islam yang menjadi rakyat di dalam negara ini boleh memainkan ataupun menyertai sama atas perjalanan bank ini maka sudah sepatutnyalah seperti kata wakil daripada Pasir Mas tadi wakil-wakil daripada Barisan Nasional yang bukan beragama Islam juga patut mengambil bahagian, tetapi saya fikir mungkin mereka duduk diam bukan bermakna tidak menyokong, tetapi mereka akan mengundi bersama-sama untuk meluluskan Rang Undang-undang Bank Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat Bank Islam ini adalah sangat sesuai oleh kerana kita tahu bahawa Perlembagaan Negara kita pun memperuntukkan agama Islam kita adalah agama rasmi dan saya berharap dengan wujudnya Bank Islam ini nanti Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberikan sokongan yang kuat, sokongan yang penuh kepada perjalanan Bank Islam ini. Kalau tadi ada wakil-wakil rakan saya daripada batu Pahat dan juga beberapa orang juga menyeru dan berharap supaya pengaliran wang petrol daripada negara-negara Timur Tengah dapat disalurkan ke Bank Islam ini, tetapi saya menyeru untuk permulaan biarlah minyak daripada Terengganu ataupun negeri-negeri Pantai Timur itu disalurkan terlebih dahulu yang mana saya diberitahu oleh Perdana Menteri Tempoh hari dalam setahun mendapat sebanyak \$300 juta. Apakah tidak boleh wang minyak daripada negara Trengganu itu di salurkan dahulu, begitu jugalah Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain ataupun Pejabat-pejabat Ugama seperti yang diterangkan oleh wakil daripada Tumpat tadi memang wang-wang yang ada di Jabatan-jabatan Agama Negeri-negeri umpamanya yang terkumpul dengan begitu banyak, tetapi tidak

diperniagakannya, kerana mungkin dihalang oleh undang-undang agama Islam.

Begitu juga kita faham ataupun kita tahu sepertimana Yang diterangkan oleh beberapa orang Wakil tadi. Yang sebenarnya orang-orang Melayu yang beragama Islam juga ada mempunyai wang yang banyak tetapi oleh sebab keadaan mereka itu terlalu barangkali fanatik berkenaan dengan agama dan sebagainya sehinggakan mereka tidak mahu menyimpan wang mereka di bank-bank. Tetapi dengan adanya Bank Islam ini bukan sahaja merupakan wang mereka tetapi harta benda, umpamanya tanah, kita tahu bahawa tanah orang-orang Melayu (tanah rezab Melayu) yang pada masa sekarang ini hanya boleh dicagarkan kepada Bank Bumiputera, Bank Rakyat ataupun Bank Pertanian tetapi bank-bank perdagangan yang lain tidak mahu menerima untuk dijadikan cagaran, sama ada bagi perniagaan dan sebagainya. Maka dengan adanya Bank Islam ini barangkali akan dapat kita gunakan harta-harta orang-orang yang beragama Islam itu untuk dicagarkan di dalam Bank Islam ini bagi tujuan pembangunan ekonomi untuk orang-orang Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa sinar harapan orang-orang Islam agak begitu tinggi sekali dengan wujudnya Bank Islam ini dan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi saya sangat bersetuju supaya perjalanan bank Islam ini tidak ada orang-orang yang mengambil inisiatif pula mensabotaj akan perjalanan Bank Islam ini kerana kita tahu usaha-usaha yang baik yang dilancarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini ada sahaja anti-nasional ataupun anti-kebangsaan kita yang sentiasa hendak meruntuhkan ataupun menjatuhkan imej Kerajaan kita dalam apa-apa juga perkara yang mereka boleh

mengambil bahagian untuk mensabotaj di atas usaha-usaha baik Kerajaan untuk kepentingan rakyat sekalian. Maka dengan sebab itulah saya menyokong satu cadangan tadi, yang paling penting ialah penerangan mengenai dengan Bank Islam ini. Kalau boleh diadakan satu buku penerangan yang lengkap dan diedarkan ke seluruh negara kita, ke seluruh rakyat supaya mereka tahu akan perjalanan Bank Islam itu dengan sebenar-benarnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita faham bahawa kuasa yang ada pada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga Kerajaan sekarang ini saya bersetuju dengan wakil dari Rantau Panjang tadi wujudlah seberapa banyak badan-badan, sama ada bank ataupun apa-apa juga yang berunsurkan Islam yang saya nampak pada hari ini yang paling penting umpamanya insuran di dalam Islam supaya dapat diadakan dengan segera bagi kepentingan seluruh rakyat yang beragama Islam.

Buat akhirnya, Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan ahli-ahli Jawatankuasa Bank ini dan saya mendoakan mudah-mudahan dicucuri rahmat, sihat walafiat dan maju jaya, diberi taufik dan hidayah untuk memajukan Bank Islam ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Parit Buntar.

6.45 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar):** Bismillahirrahmanirahim. Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong dengan sesungguhnya Rang Undang-undang Bank Islam 1982 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Saya rasa sebagai seorang Islam saya tidak akan dapat tidur nyenyak sekiranya saya tidak memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi. Ini adalah sepertimana hasrat seruan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya masuk kepada perkara-perkara mengenai Bank ini sendiri saya rasa hairan apabila Wakil dari Pasir Mas bangun tadi menyatakan bahawa terdapat keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli daripada Barisan Nasional terhadap pihak PAS. Apabila beliau bangun membuat ucapan saya juga masih merasa ragu-ragu kerana sebagai seorang Islam kita tidak harus mengungkit sepertimana kata Yang Berhormat itu sendiri siapa yang menubuhkan Bank Islam itu, tetapi malangnya beliau telah menyebut juga iaitu hasrat untuk menubuhkan Bank ini telah pun disuarakan oleh Kerajaan PAS dahulu. Jadi yang mana satu yang hendak kita katakan, siapa yang meragukan, sama ada pihak Kerajaan ataupun pihak PAS sendiri kerana beliau telah mengungkit perkara tersebut kononnya datang dari pihak PAS. Jadi, inilah yang meragukan sahabat-sahabat saya dari Tumpat tadi mengenai sikap pihak Pas sendiri.

Tuan Yang Dipertua, sekarang sampailah masanya . . . . .

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** (Bangun)

**Tuan Yang Dipertua:** Minta jalan!

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan sahaja, iaitu tentang apakah yang menimbulkan Yang Berhormat penyokong pihak Kerajaan merasa ragu, hanya apa salahnya pihak

PAS beritahu satu masa dahulu pernah pihak Kerajaan PAS Negeri Kelantan ada merancang berunding untuk menubuhkan Bank Islam. Jadi, tidak menjadi sesuatu kesalahan ataupun sesuatu benda yang tidak patut menimbulkan keraguan. Sikap kami di sini sudah tegas, dalam soal Bank Islam ini kami memberi sepenuh sokongan kelima-lima Wakil kami.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang Dipertua, sepanjang yang saya tahu Bank Islam yang hendak ditubuhkan ini adalah dirancang oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional, bukan pihak PAS dan sebab itulah saya ragu-ragu. Saya tahu penubuhan Bank Islam ini. . . .

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** Minta jalan!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya barangkali Yang Berhormat ini daripada Perak, beliau tidak tahu yang cadangan PAS dahulu sebenarnya bukan masa pemerintahan PAS, masa itu ialah masa Kerajaan Barisan Nasional dalam Kerajaan Campuran, itupun bukan hendak menubuh, cuma Arab bercadang hendak beri duit, katanya hendak buat bersekali dengan Yang Berhormat Tun Mustapha, tak tahu sama ada Yang Berhormat ini pernah dengarkah cerita macam itu? Jadi kalau pernah dengar rasanya daripada yang Berhormat Tun Mustapha dan juga daripada Arab, masa itu masa Kerajaan Campuran. Jadi, adakah idea ini barangkali Yang Berhormat dengarkah atau tidak?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, nampaknya jelas dan sahihlah bahawa bukan rancangan PAS (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, setelah kita mencapai kemerdekaan 25 tahun lebih maka sekarang sudah sampailah masanya bahawa Kerajaan kita adalah merupakan Kerajaan yang matang dan inilah titik permulaan penerangan peradaban ke Islaman ke dalam pemerintahan dan pentadbiran.

Walaupun sepertimana kata sahabat saya dari Bagan Datok iaitu kita agak lewat tetapi rasanya kelewatan itu adalah disebabkan kita dalam hendak melaksanakan sesuatu rancangan hendaklah dengan penuh teliti. Jadi saya yakin bahawa Bank Islam yang akan ditubuhkan ini adalah merupakan sebagai satu langkah daripada beberapa langkah Kerajaan ke arah penyerapan peradaban Islam.

Tuan Yang Dipertua, kita sedar bahawa dengan penubuhan Bank ini berdasarkan 4 konsep urusanniaga Islam. Maka semangat persahabatan sama ada persahabatan di antara orang-orang Islam sendiri ataupun persahabatan di antara orang-orang Islam dan orang bukan Islam akan dapat dijalin lebih rapat lagi kerana sepertimana kalau tidak silap saya Bank ini akan memainkan peranan jika untung banyak akan mendatangkan keuntungan yang banyak kepada pelanggan-pelanggannya, jika kerugian maka sama-samalah kerugian—tetapi kita mintalah Bank itu jangan rugi—kerana kita tidak mengamalkan sifat ataupun ketentuan sepertimana kata Wakil dari Padang Rengas iaitu kita tidak ada konsep riba. Jadi jika kita sama-sama menyimpan wang-wang kita ataupun harta kita di dalam Bank ini maka kita akan sama-sama bertanggungjawab untuk memajukan Bank ini. Apabila kita sama-sama bertanggungjawab untuk mengembang dan memajukan Bank ini maka keuntungan yang banyak akan diberikan kepada pelanggan-pelanggannya. Inilah satu konsep yang saya rasa benar-benar dikehendaki oleh sistem cara perniagaan Islam.

Tuan Yang Dipertua, di dalam kita hendak mencapai ataupun melaksanakan Bank Islam ini ada dua peringkat. Pertama, peringkat penubuhannya dan yang kedua, peringkat perlaksanaannya. Sepertimana sahabat-sahabat saya menyatakan tadi bahawa mungkin oleh kerana Bank ini adalah satu Bank yang baru yang hendak ditubuhkan berdasarkan semangat dan keperluan Islam terdapat sabotaj-sabotaj yang akan dilakukan. Jadi pihak Kerajaan dan pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab mengenai penubuhan Bank ini hendaklah berhati-hati bukan sahaja di peringkat awal penubuhannya tetapi di peringkat perlaksanaannya.

Sepertimana kata Yang Berhormat Mulia tadi pekerja-pekerjanya akan diambil tanpa mengira sama ada mereka terdiri daripada orang Islam ataupun tidak. Kita tidak ragu-ragu di dalam soal ini kerana tiap-tiap pekerja yang diambil sudah tentu akan diberi latihan yang secukupnya ataupun pengertian yang secukupnya mengenai dasar dan kehendak-kehendak Bank ini. Tetapi apa yang saya harap dan saya minta daripada pihak yang berkenaan supaya sebelum diambil pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja bagi Bank ini hendaklah dibuat tapisan yang ketat dan benar-benar ketat supaya mereka ini apabila masuk menjalankan tugas di dalam Bank ini akan dapat melaksanakan tugas sepertimana yang dikehendaki oleh Bank ini sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya juga sepertimana sahabat saya tadi memikirkan soal penjelasan kepada seluruh umat khasnya rakyat Malaysia mengenai penubuhan Bank ini. Saya yakin selepas sahaja pihak mass-media mengumumkan bahawa sekarang ini kita sedang membincangkan penubuhan Rang Undang-undang Bank Islam, semua rakyat Malaysia akan bertanya-tanya: bagaimanakah

bentuknya, bagaimanakah isinya, bagaimanakah perlaksanaannya Bank ini akan dilakukan kelak. Dengan hal yang demikian, sudah tentu pada masa ini pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan akan menggunakan keadaan ini untuk memberi tafsiran yang berlainan daripada yang sebenarnya.

Jadi peringkat permulaan saya harapkan supaya Kerajaan dan pihak-pihak berkenaan mengenai Bank ini sendiri hendaklah menjalankan satu operasi penerangan yang seluas-luasnya kepada seluruh rakyat Malaysia supaya mereka benar-benar faham akan tujuan dan cara-cara pelaksanaan Bank Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah dapat menubuhkan Bank ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Arau.

6.56 ptg.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau):** Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Islam, 1982 dan saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Kabinet, kepada Kerajaan dan kepada parti-parti komponen Barisan Nasional kerana terbentangnya Rang Undang-undang ini pada petang ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya dengar kata jangan ungkit-ungkit (*Ketawa*). Silakan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Wakil-wakil dari parti Pas di atas sokongan yang diberi kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana ramai Ahli-ahli dalam Dewan ini yang terdiri daripada orang-orang yang bukan Islam dan oleh kerana juga Dewan yang mulia ini menjadi satu forum nasional, saya ingin hanya melafazkan satu harapan dan satu rayuan semoga janganlah timbul apa-apa sedikitpun keraguan ataupun keresahan di dalam hati sanubari masing-masing terhadap terbentangnya Rang Undang-undang ini pada petang ini. Ini hanyalah satu usaha penyerapan satu unsur ekonomi positif ke dalam sistem kewangan negara bagi memperkukuhkan perpaduan kita untuk menjamin keutuhan negara kita bersama.

Inilah sahaja isi ucapan saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini pada petang ini, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** Ada seminit sahaja lagi, hendak bercakap tahniah! (*Ketawa*). Silalah.

6.59 ptg.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang Dipertua, saya tengok kawan-kawan saya di dalam Dewan ini telah banyak bercakap, jadi saya rasa jelaous pula (*Ketawa*), lebih-lebih lagi perkara ini adalah membincangkan Rang Undang-undang Bank Islam. Jadi supaya dimasukkan di dalam *Handsard*, ditengok oleh cucu-cicit saya besok, saya ada berucap (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, sebagai agama Persekutuan dan rakyat yang beragama Islam menyambut baik Bank ini saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan, lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini pada petang ini tadi.

Bank adalah salah satu perkara ibadah mengikut Islam di dalam membelanjakan wang sehari-hari, sesuai dengan firman Tuhan di dalam al-Quranulkarim, yang bermaksud: Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diridhainya. Maka masuklah ke dalam jamaah hambahambaku. Dan masuklah kamu di dalam syurgaku. Kalaulah Bank ini ada berkait dan yang lain-lain berkait dengan riba bila pula rakyat yang beragama Islam ini akan masuk syurga.

Masa sudah sampai, Tuan Yang Dipertua (*Ketawa*), besok saya akan sambung lagi.

**Tuan Yang Dipertua:** Hendak sambung?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Ya, insya Allah.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*